Sempena
Hari Jadi ke-71
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

# PERSPEKTIF TUN MOHD ALI

MS 2&3

"Beliau anggap kami umpama keluarga" MS 6

PESAKA gah di mata dunia" MS 8

Pencetus idea komuniti DMDI MS 7



SEC1-mimie SISIPAN(new)BARU123_Layout 1 10/10/2020 7:11 PM Page 1



# Pertahankan budaya dan warisan Melaka

Wawancara Khas

**Farah Suhaidah Othman**

RIAK wajahnya tenang dan senyuman tidak pernah lekang dari bibir membuatkan perwatakan Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali Mohd Rustam sangat sebati dengan gelaran pemimpin berjiwa rakyat.

Malah, sikap berpendirian tegas serta berusaha bersungguh-sungguh untuk memakmurkan rakyat dan negeri Melaka menjadikan pelbagai pembangunan dipacu ketika beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Menteri Melaka kesembilan pada 2 Disember 1999 hingga 6 Mei 2013.

Sehingga beliau dilantik sebagai Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka ketujuh, Mohd Ali masih mengutamakan pembangunan negeri bagi memastikan rakyat mendapat impaknya daripada kesan ekonomi itu.

Ini dapat dilihat daripada gaya beliau bersungguh-sungguh untuk menyumbang idea untuk pembangunan negeri terutama dalam melonjakkan Melaka sebagai negeri terbaik dalam senarai pendapatan perkapita ke paras yang lebih tinggi.

Menurutnya, kerajaan negeri yang diterajui Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali perlu mempertahankan perkara itu dari semasa ke semasa sesuai dengan peredaran pertumbuhan ekonomi negeri.

"Pencapaian kita masih boleh dilonjakkan lebih tinggi dari segi pendapatan perkapita iaitu dengan mensejahterakan rakyat dalam semua bidang.

"Cabaran kita pada hari ini adalah bagaimana hendak mengukur pencapaian kita dan ianya perlu naik peratusan markah pada setiap tahun.

"Kalau dulu, kita mencapai purata pertengahan dan memasuki dalam kategori negeri maju berpandukan kriteria Pertubuhan kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), tetapi apa yang dicapai itu sekadar 'cukup makan'," katanya.

Mohd Ali berkata, tidak salah mengambil contoh negeri membangun yang lain yang lebih ke hadapan dalam bidang tertentu.

"Melaka boleh maju dalam bidang tertentu kerana di sinilah tempat pelbagai budaya bermula, selain Melayu, India dan Cina, kita ada Baba Nyonya, Chetti dan Portugis serta Orang Asli, semuanya berintegrasi di sini.

*"The melting-port'* atau kepelbagaian kaum, di sinilah tempatnya di mana semua kaum hidup dalam keadaan bersatu padu, semua rakyat Melaka boleh menyanyi Dondang Sayang, malah boleh berpantun, jadi semua tradisi yang ada di negeri ini perlu diperkuatkan lagi.

"Sejarah kejatuhan empayar Kesultanan Melaka, sejarah pendudukan Portugis, Belanda, malah sejarah Jepun juga bermula di sini, jadi sebagai *'custodian'* (penjaga) warisan Malaysia, rakyat perlu pertahankan serta semarakkan lagi bahawa kita pemegang khazanah negara," jelasnya.

Dari segi pembangunan ekonomi, Mohd Ali berkata kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk meningkatkan pendapatan rakyat termasuk mengurangkan garis kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat.

"Kita perlu lahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan orang Melaka, mengalu-alukan pelaburan dari luar negara dari segi pembangunan digital ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

"Malah kita juga mampu menjadi hub kesihatan, kalau dilihat Singapura terkenal sebagai pusat kesihatan dunia, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang juga menjadi tumpuan pesakit dari luar negara mendapatkan perkhidmatan perubatan, kita juga boleh maju dalam bidang itu," katanya.

> **"Kita perlu lahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan orang Melaka, mengalu-alukan pelaburan dari luar negara dari segi pembangunan digital ekonomi yang berasaskan pengetahuan."**

Mengulas lanjut, jelasnya bagi memastikan bidang pelancongan kesihatan itu dibangunkan, taraf pendidikan anak-anak Melaka perlu dipertingkatkan.

"Apa yang disebut Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama (Dr) Haji Sulaiman Md Ali, 'Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia' itu amat tepat.

"Apabila kita maju, kita mesti membahagiakan rakyat," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Ali turut menekankan supaya rakyat mengambil cabaran terhadap situasi pandemik yang melanda negara dengan memulakan perniagaan dengan mengutamakan kualiti produk tersebut.

Ujarnya, pihak berkuasa tempatan (PBT) bersama rakyat juga perlu menitikberatkan soal kebersihan demi memacu ekonomi pelancongan negeri.

"Saya minta PBT perlu melatih tukang masak yang terdiri daripada pengusaha restoran kecil-kecilan supaya mengajar mereka memasak masakan yang sedap dan berkualiti.

"Di institut pengajian tinggi (IPT) yang ada di Melaka seperti UTEM (Universiti Teknikal Malaysia Melaka), KUIM (Kolej Universiti Islam Melaka) malah kolej komuniti serta sekolah perlu sediakan kelas masakan sebagai kokurikulum," katanya.

Sebagai warga Malaysia yang sudah mengecapi kemerdekaan 63 tahun, Mohd Ali mengingatkan supaya negara tidak terlalu bergantung kepada pelaburan dari luar negara sahaja sebaliknya merangka inisiatif untuk keluar daripada kepompong zon selesa bagi memakmurkan negara.

"Jika kita hendak bangunkan teknologi dan industri, kita perlu keluar dari Malaysia dan melabur di negara lain supaya kita meraih keuntungan, sebagaimana negara China di mana negara itu agak ketinggalan suatu ketika dahulu, dan kini semakin mengorak ke hadapan.

"Kita sudah merdeka 63 tahun, malah Dasar Ekonomi Baru (DEB) sudah menginjak 50 tahun, pencapaian kita masih dipertikaikan jadi sebagai warga Melaka dan Malaysia, kita ambil ini sebagai satu cabaran besar untuk terus maju ke hadapan, membahagiakan diri kita, keluarga, negeri dan negara, secara keseluruhannya.

"Alhamdulillah, saya dimaklumkan oleh Ketua Menteri sendiri beliau telah banyak memulakan perbincangan dalam kerajaan untuk membina masa depan Melaka dan saya yakin usaha kita dengan izin Allah SWT, kita akan terus maju jaya, rakyat bahagia menggamit dunia," katanya.



## Biodata TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka

Nama : **Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam**

Isteri : **Toh Puan Hajah Asmah binti Abd. Rahman**

Anak : **3 orang**

Tarikh Lahir : **24 Ogos 1949**

Tempat Lahir : **Kampung Bukit Katil**

Pendidikan Awal : **Sekolah Kebangsaan Bukit Katil, Sekolah Kebangsaan Semabok & Sekolah Tinggi Melaka**

Pendidikan Tinggi : **Berkelulusan Ijazah Kepujian Sarjana Muda Kemasyarakatan (Pembangunan Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia (USM)**

**Dianugerahkan Ijazah Kehormat (Pengurusan) oleh Universiti Multimedia**

**Sarjana Sastera, Universiti Malaya (UM)**

SEC1-mimie SISIPAN(new)BARU123_Layout 1 10/10/2020 7:49 PM Page 4



Wawancara Khas

## Integrasikan pembangunan persisiran pantai

# M-WEZ perlu ada pelan utama

"Usaha untuk membesarkan kawasan lapangan terbang itu sekali gus mampu menarik kehadiran pelancong terutama di negara jiran untuk mendapatkan kemudahan perubatan di negeri ini."



MOHD Ali diiringi Sulaiman ketika melihat pelan cadangan pembangunan zon pelancongan Ayer Keroh selepas Program Gotong Royong Perdana, di Taman Botanikal, baru-baru ini.

**Farah Suhaidah Othman**

WILAYAH koridor ekonomi baharu dinamakan sebagai Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) yang memberi pelaburan berimpak tinggi perlu berlandaskan kepada pelan utama supaya pembangunan kawasan itu berpaksikan kepada satu matlamat.

Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali Mohd Rustam berkata, idea yang dicetuskan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali itu merupakan usaha yang cukup baik untuk mengembalikan kegemilangan empayar Melaka yang suatu ketika dulu pernah menjadi perhatian seluruh dunia.

Bagaimanapun, mercu tanda baharu ekonomi negeri itu perlu bersandarkan kepada pelan tindakan yang khusus supaya syarikat pelabur menjadikannya sebagai panduan dalam merencana pembangunan di kawasan itu.

"Sekarang ini, kita masih belum ada 'masterplan' itu dan membiarkan sahaja pihak swasta membangunkan kawasan itu mengikut citarasa mereka, jadi saya tengok mereka banyak membangunkan kawasan ala Melaka Raya, dengan pembinaan rumah kedai dua tiga tingkat jadi itu tidak menarik minat (pembeli).

"Kalau kita ambil contoh Gold Coast (di Sydney, Australia) dan kemudian tukar nama kepada Diamond Coast misalnya, apa komponen atau konsep yang perlu ada dan pembangunan yang hendak dibina.

"Justeru, apabila pemaju hendak mencadangkan pembangunan di sesuatu kawasan itu, mereka boleh tengok semula panduan pelan utama, itu sebab kita perlu ada rangka tindakan *(blueprint)* yang bagus untuk mengunjur kepada satu matlamat," katanya.

### TARIK PELABUR DALAM DAN LUAR NEGARA

Mengulas lanjut, Mohd Ali berkata menerusi rangka tindakan itu, kerajaan negeri perlu menarik pelabur dari dalam dan luar negara bagi membina pusat perniagaan yang besar di kawasan M-WEZ itu.

"Pelabur yang mahu melabur ke Melaka, mereka masih fikir negeri ini tidak cukup penduduk untuk membina pusat perniagaan yang besar seperti Mid Valley (Megamall), Pavilion sebagaimana di Lembah Klang, jadi yang ini kita perlu ada perancangan yang baik bagi menghubungkan koridor baharu itu supaya lebih ramai datang ke negeri ini," katanya.

Ujarnya, bagi memperkukuh pembangunan wilayah ekonomi baharu yang mampan, kemudahan infrastuktur yang mantap juga perlu dirancakkan bagi menghubungkan jaringan antara kawasan di sepanjang koridor tersebut.

### KUASAI BIDANG DIGITAL

Di samping itu, jelasnya dalam mengintegrasikan pembangunan Melaka di kawasan persisiran pantai itu, kerajaan negeri perlu melahirkan lebih ramai rakyat yang mahir dalam pelbagai bidang termasuk digital ekonomi; perubatan; pendidikan dan keusahawanan.

"Sekarang, ekonomi digital sudah meliputi semua kegiatan dalam kehidupan kita, perubatan perlu menggunakan digital ekonomi, malah ICT (teknologi maklumat dan komunikasi) juga kini dipanggil 'digital mall'.

"Jadi, orang Melaka mesti fokus kepada pengetahuan ekonomi dalam pelbagai bidang mengikut kehendak orang ramai dan kehendak semasa," katanya.

### LEBARKAN JARINGAN PEMBANGUNAN EKONOMI

Tidak terhenti di situ, Mohd Ali turut berkongsi idea untuk kerajaan negeri menggiatkan usaha untuk melebarkan jaringan infrastruktur antara kawasan di sepanjang koridor baharu itu.

"Apabila kita sudah ada koridor baharu, kita kena ada komunikasi antara koridor baharu pantai Melaka dengan Rel Berkelajuan Tinggi (HSR), jadi jika itu ada dalam *'masterplan'*, pelabur boleh ikut panduan itu.

"Ia amat baik untuk mengintegrasikan pembangunan Melaka di bahagian persisiran pantai dengan sebelah tengah Melaka supaya ia bersempadanan dengan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)," katanya.

Bercerita lanjut, Mohd Ali mengharapkan agar Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) diperluaskan kawasan bagi merancakkan penerbangan antarabangsa di lapangan terbang itu.

Ujarnya, usaha untuk membesarkan kawasan lapangan terbang itu sekali gus mampu menarik kehadiran pelancong terutama di negara jiran untuk mendapatkan kemudahan perubatan di negeri ini.

"LTAM perlu diperbesarkan supaya menarik lebih ramai pelancong antarabangsa dan jika kita berjaya memanjangkan landasan mengikut jarak yang sepatutnya, kita mampu menarik berpuluh ribu pesakit terutama dari Jakarta untuk pelancongan perubatan di Melaka.

"Sebelum ini ada cadangan untuk memindahkan LTAM ke lokasi lain namun saya punya pandangan biarlah ia kekal di situ kerana ia mempunyai nilai sejarahnya.

"Tunku Abdul Rahman mendarat di Batu Berendam untuk mengisytiharkan kemerdekaan selepas pulang dari London, jadi lapangan terbang itu mempunyai sejarahnya tersendiri," katanya.




LTAM dicadang agar diperluaskan kawasan bagi merancakkan penerbangan antarabangsa di lapangan terbang itu. (Gambar Fail)

# GALERI TUN SERI SETIA (DR.) MOHD ALI MOHD RUSTAM



MOHD Ali ketika mengangkat sumpah Ketua Menteri Melaka di Hadapan TYT Yang di-Pertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabuddin di Istana Melaka pada 3 Disember 1999.



LAWATAN ke China oleh delegasi Kerajaan Negeri Melaka yang diketuai Mohd Ali selaku Ketua Menteri pada tahun 2000 mengeratkan lagi hubungan antara Melaka-China.





PEMBANGUNAN industri perkilangan di Melaka antara yang dititikberatkan oleh Mohd Ali.



SEPANJANG bergelar Ketua Menteri, Mohd Ali sentiasa disenangi oleh segenap masyarakat negeri ini.





MOHD Ali bersama delegasi Kerajaan Negeri Melaka ketika mengadakan Lawatan Ke China (Makan Malam Cheng Ho) pada tahun 2000.



MOHD Khalil bersama Mohd Ali ketika menaiki bot Melaka River Cruise buat pertama kali sekitar tahun 2005.





MOHD Ali memeriksa perbarisan Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Melaka ketika menjawat jawatan Ketua Menteri Melaka sebelum ini.





SISIPAN-jotnew_Layout 1 10/10/2020 5:20 PM Page 5



# Tun beri sokongan buka kedai gunting rambut - Fikri



TUN merupakan pelanggan tetap Muhammad Fikri sejak 2014.

**Liana Sahabudin**

"BILA saya nak buka kedai gunting rambut enam tahun lalu, Tun antara yang memberikan sokongan kepada saya pada ketika itu,"

Itu kenangan yang dikongsikan Muhammad Fikri Bahkri, 30, bersama Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Rustam.

Dia yang mempunyai kepakaran menggunting rambut sejak 2011 dan sehingga kini mampu memiliki kedainya yang sendiri iaitu 'Fiq Barber Shop' di Bukit Beruang.

Ketika ditemui, Fikri meluahkan rasa syukur mengenali Tun Mohd Ali yang merupakan Ketua Menteri pada ketika itu.

"Tun (Mohd Ali) salah seorang yang memberi sokongan bila saya membuka kedai ini, beliau turut memberi sebuah kerusi untuk keselesaan pelanggan semasa gunting rambut.

"Pada awal tahun 2014 saya mulakan perniagaan di tempat parkir kereta di rumah, bila ada rezeki lebih sikit saya buat satu bilik yang berhawa dingin untuk pelanggan.

"Waktu itu Tun memang selalu datang kedai boleh dikatakan pelanggan tetap setiap dua bulan sekali," katanya.

Katanya, Tun seorang pemimpin yang bersifat peramah dan sentiasa merendah diri apabila berjumpa masyarakat.

"Beliau seorang pemimpin yang sentiasa sibuk, waktu gunting rambut pun uruskan kerja, tapi kalau tidak sibuk beliau akan tanya sama ada bisnes saya ok ke tidak dan apa yang kurang di kedai," katanya.

Fikri mula menceburi bidang gunting rambut sejak 2011 semasa bekerja di sebuah salon untuk kaum lelaki di Bukit Baru.

"Lepas hujung tahun 2013, saya ambil keputusan atas semangat dan dorongan keluarga untuk membuka sendiri kedai gunting rambut di rumah.

"Sehingga 2019 saya teruskan peniagaan di rumah, Februari 2020 saya dapat semangat untuk membuka kedai sendiri berdekatan rumah demi keselesaan pelanggan," katanya yang merupakan anak sulung dari empat beradik.

Katanya pada permulaan hanya bermodalkan RM2,000 hasil simpanan daripada wang yang diperolehi setiap kali menggunting rambut pelanggan pada hari cuti.

"Masa kerja salon saya ambil peluang waktu cuti tu dengan membawa balik barang-barang salon untuk gunting rambut pelanggan di rumah.

"Hasil wang simpanan itu, saya gunakan untuk menambah barangan keperluan di kedai selain menaiktaraf kedai sedikit demi sedikit," katanya bersyukur dengan rezeki diberikan itu.

Bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran perlu ditempuhi Fikri sepanjang meneruskan perniagaan tersebut termasuklah ragam para pelanggannya.

"Jika dulu keadaan rumah yang kecil sukar untuk pelanggan singgah ramai-ramai, sekarang pula permintaan ada masa tidak ramai sebab masih dalam pandemik Covid-19.

"Masa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, saya dan adik berniaga kuih dan hantar kepada pelanggan-pelanggan.

"Bagaimanapun kita perlu bersyukur dengan rezeki yang ada dan semangat untuk meneruskan perniagaan pun perlu ada," katanya.



MUHAMMAD Fikri menggunting rambut pelanggan.



FIQ Barber Shop terletak di Bukit Beruang.

## Setia berkhidmat hampir 25 tahun



MASDA

**Farah Suhaidah**

TUTUR kata yang sopan selain tidak pernah mempamer kemarahan mendorong Masda Atuwi setia berkhidmat sebagai pembantu rumah kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka ketujuh, Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Mohd Rustam selama hampir 25 tahun.

Masda, 65 berkata dia diambil bekerja oleh gabenor negeri itu sejak Mohd Ali menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan pada tahun 1995.

Sebelum itu, dia hanya bekerja sebagai buruh manakala isterinya, Salmah Saimi, 63 terlebih dahulu bekerja sebagai pembantu rumah di kediaman Mohd Ali di Kuala Lumpur.

"Saya bekerja dengan Tun (Mohd Ali) sejak beliau menggalas tugas sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan dan kemudian Timbalan Menteri Kesihatan sebelum menjadi Ketua Menteri Melaka.

"Beliau anggap saya bersama isteri serta anak-anak seperti keluarganya, mungkin kerana itu beliau bawa kami sekeluarga berpindah ke sini dan menetap terus di sini," katanya.

Kepercayaan yang diletakkan terhadap Masda membuatkan Mohd Ali selesa untuk membenarkan pembantu rumah yang berasal dari Boyan, Indonesia itu menjaga kediaman ketika ketiadaannya untuk melaksanakan tugas sebagai pemimpin negeri di luar Melaka.

"Kalau Tun ke luar negara, saya dan isteri disuruh jaga rumah, malah jika isteri Tun, Toh Puan Asmah Abdul Rahman ke luar kota, saya beri sarapan kepada Tun di tingkat atas rumah.

"Beliau anggap saya sekeluarga umpama keluarga, seperti adik-beradik sendiri, tutur kata beliau ketika meminta tolong pun lembut sahaja.

"Beliau panggil saya Wak, jadi kalau beliau minta bantuan, beliau akan kata Wak minta tolong sekejap... Wak, tolong saya... itu membuatkan saya begitu selesa untuk bekerja dengan Tun sehingga kini," kata Masda.

Ditanya mengenai makanan kegemaran Yang di-Pertua Negeri itu, Masda memberitahu Mohd Ali dan Asmah tidak cerewet mengenai bab makanan tetapi lebih menggemari lauk ikan masak pindang.

"Tun suka makan lauk ikan masak pindang, begitu juga dengan Toh Puan," katanya

# Mohd Ali pencetus idea komuniti DMDI

Liana Sahabudin

DUNIA Melayu Dunia Islam (DMDI) ditubuhkan hasil Resolusi Konvensyen DMDI pertama yang berlangsung bermula 18 Oktober hingga 21 Oktober 2000.

Ia dirasmikan Yang di-Pertua Negeri Melaka ketika itu iaitu Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Al-Haj Syed Mahmud Shahbudin di Dewan Seri Negeri dengan tema Kesatuan dan Perpaduan.

Pemangku Presiden DMDI, Prof Datuk Dr. Mohd Jamil Mukmin berkata, tema itu dicadangkan Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Utama (Dr) Haji Mohd Ali Mohd Rustam ketika itu dan kemudian dipilih sebagai tema rasmi DMDI sehingga hari ini.

"Konvensyen itu dihadiri 537 peserta dari 13 buah negara dan semua peserta dari bersepakat dan setuju untuk melantik Ketua Menteri Ketika itu, Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam sebagai Presiden DMDI.

"Hasil kreativiti dari hubungan diplomatik serta keupayaan Tun Mohd Ali, daripada 13 buah negara sahaja ketika itu DMDI kini merekodkan 23 negara sah sebagai anggota DMDI," katanya kepada MHI.

Kesemua 23 negara itu aktif mengadakan pelbagai program kebajikan dan kemasyarakatan sesuai dengan DMDI sendiri iaitu Kesatuan & Perpaduan.

**HUBUNGAN BAIK PANTAU NEGARA ANGGOTA**

Negara-negara membabitkan Malaysia, Indonesia, China, Singapura, Sri Lanka, Kemboja, United Kingdom, Filipina, Mesir, Timor Leste, Bosnia-Herzegovina, Thailand, Madagascar, Maldives, Neterlands, Australia, Afrika Selatan, Brunei, Kanada, New Zealand, Arab Saudi, Bangladesh dan Mauritius.

Mohd Ali menurut Mohd Jamil sentiasa memantau jaringan hubungan dengan semua negara anggota menerusi program-program melibatkan ramai belia di kesemua negara 23 anggota berkenaan.

"Antaranya program wanita, program kanak-kanak, program ekonomi, program keusahawan dan program membabitkan kecanggihan teknologi maklumat (IT).

"Menerusi cadangan Tun (Mohd Ali) pada ketika itu, telah wujudnya satu tabung khas untuk membantu mana-mana individu, pihak atau keluarga dari negara anggota DMDI yang menghadapi kesusahan.

"Tabung kemanusiaan DMDI telah membantu mangsa-mangsa Tsunami Acheh, membantu pelarian-pelarian dari beberapa negara anggota DMDI yang memerlukan pakaian, makanan, pendidikan dan tempat tinggal," katanya.

**RINGANKAN BEBAN MANGSA LETUPAN GUNUNG BERAPI**

Menerusi DMDI, Mohd Ali membantu meringankan beban mangsa-mangsa letupan gunung berapi di Indonesia@ Kepulauan Indonesia dengan memberi makanan serta membaik pulih rumah-rumah mangsa yang rosak akibat bencana itu.

"Jawatankuasa khas iaitu Sekretariat DMDI yang diilhamkan Tun bekerja setiap hari bagi menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya perlu menghantar bantuan tidak mengira masa kepada mereka yang memerlukan.

"Atas cadangan bernas Tun, DMDI turut menubuhkan biro-biro khas seperti Biro Ekonomi, Biro Dakwah, Biro Pendidikan, Biro Sosio Budaya & Warisan, Biro Wanita dan Kebajikan, Biro Pelancongan, Biro Teknologi Maklumat, Biro Sains, Teknologi & Inovasi, Biro Pusat Sumber dan Biro Sukan," katanya.

Kesemua biro ini ditubuhkan sejak 20 tahun lalu hingga kini aktif menjalankan aktiviti atau program yang memberi manfaat kepada kumpulan sasar.

**AKTIVITI KEBAJIKAN DAN KEMASYARAKATAN DITERUSKAN**

Menurutnya, Mohd Ali mempunyai keperibadian yang ingin menyampaikan sendiri bantuan kepada golongan memerlukan bersama jawatankuasa kerja DMDI.

"Apabila Tun menubuhkan Rumah Amal Yayasan DMDI di Bukit Katil, ia menguatkan lagi peranan DMDI untuk kekal aktif menyalurkan dana kepada pihak atau individu yang kurang berkemampuan.

"Atas inisiaitif serta cadangan Tun juga, sebuah kolej iaitu Kolej Antarabangsa DMDI telah ditubuhkan yang terletak di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Jalan Hang Tuah," katanya.

Kolej ini aktif menjalankan kursus jangka pendek khususnya kursus keusahawan selain kursus persediaan bagaimana bergelar peniaga dalam talian yang berjaya menjana pendapatan lumayan.

Atas nasihat Mohd Ali, DMDI juga kini terlibat secara langsung dalam perniagaan kedai serbaneka apabila membuka dinamakan DM-Mart di aras bawah bangunan Kota Cemerlang.

Kedai serbaneka ini menjual pelbagai produk usahawan tempatan termasuk produk usahawan dari negara-negara anggota DMDI.



HUBUNGAN baik antara sesama negara anggota menjadi kunci kepada kekuatan DMDI.

> "Kolej Antarabangsa DMDI ini aktif menjalankan kursus jangka pendek khususnya kursus keusahawan selain kursus persediaan bagaimana bergelar peniaga dalam talian yang berjaya menjana pendapatan lumayan."



MOHD Ali ketika hadir dalam satu majlis keraian di Sumatera Selatan, Indonesia sekitar tahun 2019.

## FAKTA MENGENAI PENUBUHAN DMDI

**Keahlian :**

1. *Masyarakat Melayu Islam dari negara-negara di dalam Asia Tenggara*
2. *Masyarakat dari negara-negara yang mempunyai penduduk Melayu yang ramai seperti Afrika Selatan, Sri Lanka, Australia dan Madagaskar.*
3. *Masyarakat dari negara yang mempunyai penduduk Islam yang ramai seperti China, India, Jepun, Rusia, Amerika Utara dan Eropah.*
4. *Masyarakat dari negara Islam seperti Arab Saudi, Iran, Pakistan, Bosnia-Herzegovina dan Iraq.*
5. *Masyarakat dari negara-negara yang mempunyai hubungan dagang dengan Melaka sejak abad ke-15 seperti Britain, Portugal, Belanda, Sepanyol.*

SEC1-mimie SISIPAN(new)BARU123_Layout 1 10/10/2020 9:23 PM Page 3





# PESAKA gah di mata dunia

**Saliawati Salberi**

TEMPOH 10 tahun menerajui Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) sudah pasti meninggalkan banyak kejayaan dan pembaharuan dalam memastikan sukan silat terus gah di mata dunia.

Sebut sahaja nama 'Ali Rustam' sudah pasti ramai mengenali figura ini yang bukan sahaja menjaga kebajikan malah begitu dekat dengan masyarakat.

Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali Mohd Rustam menjadi Presiden PESAKA pada 29 Disember 2009 sebelum melepaskan jawatan itu pada 3 Jun lalu sejurus dilantik menjadi TYT.

Menurut Yang Dipertua PESAKA Melaka Profesor Madya Mohd Ariff Mat Hanafiah berkata, kepimpinan Tun dalam badan induk bukan sahaja membawa pembaharuan dan perubahan di peringkat negeri dan kebangsaan malah di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, walaupun Tun seorang pemimpin yang disegani namun sikap kebapaannya membuatkan hubungan dengan ahli begitu erat sehingga mendorong kepada kejayaan atlet silat negara dan tidak ramai seperti beliau.

"Kalau hendak dicerita satu persatu begitu banyak pencapaian di bawah kepimpinan Tun dalam sukan silat ini malah pada kemuncak kepimpinan beliau silat berjaya disenaraikan di bawah kategori (*Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity)* oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada Disember lalu.

"Malah di bawah kepimpinan Tun juga, skuad silat Malaysia pada Sukan SEA 2017 berjaya menyumbang 10 pingat emas kepada negara selain atlet silat turut dipilih sebagai olahragawan dan olahragawati negara," katanya.

Mohd Ariff berkata, sumbangan Tun dalam PESAKA dipuji ramai malah beliau adalah presiden yang banyak memberi sumbangan kepada persatuan untuk terus bergerak maju dalam seni mempertahankan diri.

Beliau berkata, Pada 18 September 2015 yang lalu , Tun bersama Datuk Megat Zulkarnain Tan Sri Omardin selaku Setiausaha Agung dan kepimpinan PESAKA Malaysia telah menerajui majlis Perhimpunan Pesilat PESAKA Malaysia - Malam Pendekar yang mana Perdana Menteri Malaysia ketika itu Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak telah mengisytiharkan Seni Silat sebagai Seni Mempertahankan Diri Rasmi Negara Malaysia dan turut diiktiraf sebagai Benteng Ketiga Pertahanan Negara.

"Tun banyak sangat membantu dalam pembangunan silat bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah negeri serta dunia dan kami pernah ke England yang mana Tun menyampaikan mandat kepada Pertubuhan Seni Silat Gayung Fatani Malaysia cawangan Perancis demi memastikan silat terus diketengahkan.

"Malah di peringkat Melaka sendiri, Tun berjaya menyatukan lebih 64 persatuan silat malah beliau juga turut meminta seorang guru silat Pukulan Melaka iaitu Haji Mokhtar untuk menghasilkan sebuah buku bertajuk 'Silat Melayu Melaka'," katanya.



MOHD Ariff melihat buku Silat Melayu Melaka.

Ujar beliau lagi, kecintaan Tun pada seni silat juga dapat dilihat apabila beliau sanggup mengeluarkan 'dana yang beliau cari sendiri' demi memastikan Kejohanan Satu Sekolah Satu Silat pada pada Jun tahun lalu dapat diteruskan seperti dirancang.

"Ketika itu kami mempunyai masalah kewangan dan menjangkakan kejohanan terpaksa dibatalkan namun kemudiannya saya mendapat panggilan daripada Tun agar meneruskannya seperti dirancang.

"Tun juga pencetus kepada koperasi silat Malaysia iaitu KOSILAT, penubuhan ini adalah bagi membantu menjana ekonomi buat pesilat.

Menurut Mohd Ariff, barubaru ini beliau beserta beberapa Exco PESAKA Melaka ada mengadap Tun dan beliau sempat berpesan agar seni silat terus dijaga malah memperbanyakkan aktiviti untuk memastikan silat terus diterima setiap lapisan masyarakat.

"Beliau amat berharap agar persatuan dan warga silat dapat terus bersatu selain Tun turut mencadangkan agar diadakan Hari Penganugerahan Pendekar Negeri Melaka dan ia akan dijadikan sebagai acara tahunan," katanya.



MOHD Ali ketika menghadiri Seminar Jawatankuasa Gelanggang Silat Seluruh Negeri Melaka di Jasin pada 17 Januari 2016.

sec1-jot (DEPAN) new_Layout 1 10/10/2020 8:43 PM Page 2

Mhi
ملاك هاري اين
MELAKA HARI INI
MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA

**BISNES: Rezeki 'orang minyak'**

MUKA 30



MELAKA HARI INI

Scan dan layari isu semasa di www.melakahariini.my

Edisi 19 I 12 Oktober 2020 - 18 Oktober 2020 I 24 Safar 1442H - 1 Rabiulawal 1442H I PP 19464/D4/2019/ (035072) I Sejak 1982 I www.melakahariini.my I Melakahariini NASKHAH PERCUMA

# PACU EKONOMI NORMAL BAHARU



KERAJAAN Melaka perlu bertindak dengan lebih agresif bagi menarik pelaburan baharu meliputi pelbagai sektor di negeri ini, ujar Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali dalam sambutan rasmi hari jadi ke-71, Sabtu lalu.

**Laporan penuh muka 2,4 dan 6 serta dapatkan Sisipan Khas Hari Jadi TYT.**



SEMPENA HARI JADI KE-71 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA



**KETIBAAN Mohd Ali disambut Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh serta Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr. Hasim Hasan dalam Majlis Istiadat Kawalan Kehormatan Utama Sempena Sambutan Hari Jadi Ke-71 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka di Dataran Seri Negeri, baru-baru ini.**



**MOHD Ali melakukan ekspresi simbol salam 'normal baharu' dengan meletakkan tangan di dada ketika menyapa barisan EXCO kerajaan negeri yang hadir.**

# Melaka perlu agresif perkasa ekonomi - TYT

**Faiz Hasan & Mohamad Fazrul Abdul Majid**

AYER KEROH - Kerajaan negeri perlu bertindak dengan lebih agresif bagi menarik peluang pelaburan baharu dalam dan luar negara meliputi pelbagai sektor di negeri ini.

Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam berkata, ia rentetan jangkaan Kadar Dalam Keluaran Negara Kasar (KDNK) Melaka bakal mencatat penyusutan yang selari dengan pertumbuhan KDNK negara disebabkan pandemik COVID-19.

Sehubungan itu beliau berharap, kesemua sektor membabitkan industri pembuatan, komunikasi, pelancongan, pertanian, hartanah, pendidikan, kesihatan termasuk sektor penambakan laut di negeri ini diperkasa.

"Biarpun kerja penambakan laut telah mewujudkan kawasan tambahan seluas 15,000 ekar, namun masih lagi terdapat banyak tanah kosong untuk dibangunkan dan memerlukan kerjasama dengan pemilik tanah.

"Pelaburan yang bakal dibawa masuk ini akan membawa manfaat meningkatkan ekonomi negeri, sekali gus membawa peluang kepada rakyat dengan pelbagai peluang pekerjaan ditawarkan," katanya pada ucapan menyempurnakan Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka di Dewan Seri Negeri, di sini pada 10 Oktober lepas.

Pada masa sama, Mohd Ali turut menasihatkan kerajaan negeri agar menekankan tumpuan kepada keseimbangan pembangunan masyarakat di luar bandar.

Beliau berharap tumpuan itu perlu dilaksanakan bagi memberi keseimbangan kepada pembangunan ekonomi penduduk di kawasan terbabit.

"Peluang ekonomi ini penting bagi mewujudkan keseimbangan serta mengurangkan kepadatan bandar melalui migrasi masyarakat," katanya.

## Lima hala tuju pentadbiran Sulaiman

KETUA Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali hari ini menggariskan lima perkara yang menjadi fokus hala tuju pentadbirannya ke arah mengangkat martabat Melaka menjadi negeri lestari yang maju jaya, kehidupan rakyatnya sentosa, seraya mampu menggamit dunia.

Katanya, lima perkara itu merangkumi prestasi ekonomi semasa, inisiatif pembangunan Negeri Melaka, Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ), pelancongan dan hala tuju masa depan dalam kerangka besar Melaka Rumahku.

Jelasnya, bagi perkara pertama iaitu meningkatkan prestasi ekonomi semasa pasca COVID-19, pihaknya bakal mengatur satu perjumpaan khas pra-bajet 2021 melibatkan pemegang taruh dan kelompok agensi kerajaan negeri dan pemain industri sebagai persediaan sebelum pembentangan Bajet Negeri Melaka 2021 yang dijangka pada November depan.

Selain itu, bagi inisiatif pembangunan Negeri Melaka pula, kerajaan negeri komited menumpukan kepada tujuh pembangunan terbaharu untuk kemajuan Melaka yang merangkumi M-WEZ, penubuhan daerah penuh di Masjid Tanah, menuju ke arah pendigitalan dan bandar pintar dan pembangunan industri berteknologi tinggi.



**SULAIMAN menyampaikan ucapan taat setia bersempena Sambutan Rasmi Hari Jadi ke-71 Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam, di Balai Istiadat, Seri Negeri.**

Pembangunan itu turut merangkumkan sekali pembinaan Stesen High Speed Rail (HSR) Melaka, Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) dan Infrastruktur Waste to Energy (WTE) di Sungai Udang.

"Mengenai perkara ketiga pula ialah membabitkan hala tuju M-WEZ yang akan kita bangunkan di kawasan tambak laut seluas 15,000 ekar sepanjang 22 kilometer, dari Umbai hingga ke Tanjung Bruas.

"Kita yakin kedudukan M-WEZ ini sangat sesuai, strategik dan menarik serta bakal menjadikan Melaka sebagai destinasi pelaburan dan perniagaan antarabangsa unggul, yang manfaatnya bakal melonjakkan ekonomi, bukan sahaja faedah lumayannya kepada rakyat di negeri ini, malahan impaknya dirasai di seluruh negara," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada ucapan taat setia bersempena Sambutan Rasmi Hari Jadi ke-71 Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam, pada 10 Oktober lepas.

Pada masa sama, Sulaiman turut menggariskan mengenai pemerkasaan sektor pelancongan negeri yang sebelum ini terjejas teruk akibat penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia.

Katanya, bagi merancakkan kembali sektor berkenaan, fokus utama kini diberikan kepada promosi menggunakan platform digital iaitu *Melaka eXcess* dan kempen '*Dream Now Travel Later*' dalam usaha menggalakkan kehadiran pelancong domestik.

Sementara itu, bagi perkara terakhir iaitu halatuju masa depan dalam kerangka besar Melaka Rumahku pula, beliau berkata, melalui pelbagai inisiatif yang dijalankan, ia kini mula menunjukkan hasil terutama apabila indikator yang diterapkan menuju ke arah menuju negeri lestari mula dijadikan panduan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini.

Hasilnya pelbagai kejayaan telah dicapai termasuklah pengiktirafan Bandaraya Melaka dan Jasin sebagai Bandar Paling Bahagia 2019 melalui laporan indeks Kebahagiaan oleh MURNInets Kebangsaan, PLANMalaysia.

"Lebih membanggakan, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), bukan sahaja sudah mencapai status Bandar Bahagia, bahkan telah memperoleh status Bandar Paling Mampan di Malaysia.

"Terkini pula, kita mendapat khabar gembira apabila, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) telah menerima pengiktirafan antara lima PBT terbaik di Malaysia dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goal (SDG), pembangunan Bandaraya Melaka. Syabas dan tahniah untuk kesemua PBT atas pencapaian yang membanggakan negeri Melaka!," katanya.

Justeru, beliau menaruh keyakinan tinggi sekiranya kesemua fokus hala tuju ini berjaya dicapai, tidak mustahil negeri Melaka akan muncul menjadi sebuah negeri yang hebat lagi terbilang suatu hari nanti.

# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

## Tuan Yang Terutama
## Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

# Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**
**KETUA MENTERI MELAKA**

DAN

BARISAN KEPIMPINAN NEGERI MELAKA, AHLI-AHLI EXCO, AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI, KAKITANGAN KERAJAAN DAN SWASTA SERTA SELURUH RAKYAT NEGERI MELAKA

sec1-mimie (pageMaiM12-18oct2020)NEWBARU_Layout 1 10/10/2020 7:25 PM Page 1



**SEMPENA HARI JADI KE-71 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**



**MOHD ALI menganugerahkan pingat DGSM yang membawa gelaran Datuk Seri kepada Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Mohd Firuz Jafril pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran negeri Melaka 2020 sesi pertama sempena Sambutan Hari Jadi ke-71 Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka di Balai Istiadat, Seri Negeri, baru-baru ini.**



**SETIAUSAHA Sulit Kanan kepada Ketua Menteri, Abd Kadir Md Idris turut menerima pingat DMSM yang membawa gelaran Datuk.**



**SETIAUSAHA Politik Kepada Ketua Menteri Datuk Sazali Muhd Din menerima pingat DCSM yang membawa gelaran Datuk Wira daripada Mohd Ali.**

# Ismail Sabri dahului senarai penerima darjah kebesaran Melaka

AYER KEROH - Menteri Kanan (Pertahanan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengetuai penerima darjah, bintang dan pingat kebesaran Melaka sempena Sambutan Hari Jadi Yang Ke-71 Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam di Seri Negeri pada 10 Oktober lepas.

Ismail Sabri menerima Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan dalam kenyataannya baru-baru ini berkata, turut menerima darjah kebesaran sama adalah Menteri Pengajian Tinggi Datuk Noraini Ahmad; Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Affendi Buang; Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Mohd Firuz Jafril dan Pengarah Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Datuk Mohamed Farid Abu Hasan.

"Bagaimanapun Ismail dan Noraini tidak dapat menghadirkan diri kerana sedang menjalani kuarantin kendiri," katanya dalam kenyataan itu.

Beberapa tokoh turut disenaraikan untuk menerima Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) yang membawa gelaran Datuk Wira.

Mereka adalah EXCO Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan, Datuk Latipah Omar, Ketua Polis Melaka Datuk Mat Kasim Karim; Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri Melaka, Datuk Sazali Muhd Din; Presiden



**HAMIDIN...DCSM**



**NORAINI...DPSM**



**LATIPAH...DCSM**



**RAHMAD...DMSM**

Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) Datuk Hamidin Mohd Amin dan Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) Datuk Megat Zulkarnain Omardin.

Antara penerima Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa gelaran Datuk ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Datuk Dr Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi M Ravi; EXCO Kesihatan dan Anti Dadah negeri Rahmad Mariman dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Saiful Anuar Lebai Hussen.

Turut sama adalah Pengarah Kesihatan Melaka, Dr Ismail Ali; Setiausaha Sulit Kanan kepada Ketua Menteri, Abd Kadir Md Idris dan Pesuruhjaya PAS Melaka merangkap Penasihat Agama kepada Ketua Menteri, Kamarudin Sidek.

Sementara itu senarai penerima Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM) yang membawa gelaran Datuk, termasuklah Asisten Ketua Staf Sumber Manusia Markas Tentera Laut, Laksamana Muda Abu Bakar Mohd Ajis; Pengarah Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Dr Norhayati Rusli; Ketua Jabatan Pengurusan PDRM, Senior Asisten Komisioner Shaharon Anuar Abdul Latif, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya Shadan Othman dan Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Jabatan Ketua Menteri Melaka Noraini Tawel.

## Sambutan penuh istiadat



**MOHD Ali ketika memeriksa perbarisan dan kawalan kehormatan anggota Batalion Kelima Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Mahkota Johor yang diketuai Mejar Mohd Zainul Ariffin Zainal Abidin.**

MESKIPUN disambut dengan norma baharu sebagai pematuhan kepada Prosedur Pengendalian Standard (SOP), sambutan Hari Jadi Ke-71 Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam kali ini berjalan dengan penuh istiadat.

Sebelum istiadat penganugerahan bermula, Mohd Ali berkenan menerima tabik hormat, memeriksa perbarisan dan kawalan kehormatan anggota Batalion Kelima Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Mahkota Johor yang diketuai Mejar Mohd Zainul Ariffin Zainal Abidin.

Istiadat diiringi oleh Pancaragam Iringan dari Batalion Ke-2 Kor Armor Diraja.

Sebanyak 17 das tembakan meriam akan dilepaskan dari 41 Bateri Rejimen Artileri Diraja (Istiadat), Kem Sungai Buloh yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Mohammad Asri Che Wil.

Di samping istiadat penganugerahan darjah, bintang dan pingat kebesaran negeri, kerajaan negeri turut mengaturkan beberapa program lain seperti majlis bacaan Yassin dan doa kesyukuran, khutbah khas, majlis makan malam negeri, kuliah Dhuha dan Sambutan Maulidur Rasul pada 20 Oktober ini di Auditorium Masjid Al-Azim.

Istiadat penganugerahan berlangsung di Balai Istiadat Seri Negeri membabitkan empat sesi iaitu 10 Oktober (Sabtu) dan 11 Oktober (Ahad) manakala sesi ketiga dan keempat pada 30 Oktober (Jumaat) dan 1 November (Ahad) depan.

# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah
dan Seluruh Warga Kerja Melaka Taming Sari Berhad

SEMPENA HARI JADI KE-71 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA



MOHD Ali

# Agong perkenan lantik TYT Melaka sebagai Canselor UTeM

**Fuad Ramdan**

AYER KEROH - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan melantik Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rusam dilantik sebagai Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ketiga.

Menurut kenyataan rasmi UTeM, pelantikan itu berkuatkuasa selama empat tahun mulai 15 Ogos 2020 hingga 3 Jun 2024.

"Beliau telah dilantik sebagai Canselor UTeM oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkuatkuasa selama empat tahun mulai 15 Ogos 2020 hingga 3 Jun 2024.

"Tun Mohd Ali merupakan anak jati Bukit Katil, Melaka telah dilahirkan pada 24 Ogos 1949 merupakan graduan Sarjana Muda Kemasyarakatan (Pembangunan Ekonomi), Universiti Sains Malaysia (USM) 1984 dan Sarjana Sastera, Universiti Malaya pada tahun 2013," katanya menerusi kenyataan dihantar ke Melaka Hari Ini.

Mohd Ali dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka ketujuh pada 4 Jun 2020 lalu, yang sebelumnya menabur bakti sebagai Ketua Menteri Melaka dari 1999 hingga 2013.

Sumbangan besar beliau terbukti sebagai individu yang membangunkan Melaka dalam pelbagai aspek termasuklah meletakkan negeri ini sebagai antara destinasi pelancongan terkenal dunia.

Sebelumnya antara jawatan yang pernah disandang beliau ialah Timbalan Menteri Pengangkutan pada tahun 1995 hingga 1998 dan Timbalan Menteri Kesihatan dari tahun 1998 hingga 1999 di peringkat Kerajaan Persekutuan

Mohd Ali turut mempunyai pengalaman luas dalam bidang perkhidmatan awam dan memulakan kerjaya awal sebagai Pegawai Kerani di Tenaga Nasional Berhad (TNB) dari 1969-1979, sebelum dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Kedah pada 1979-1980.

Berkat komitmennya dalam tugas yang baik, beliau sekali lagi dinaikkan pangkat sebagai Pengarah KEMAS Perlis selama setahun dari 1980 hingga 1981.

Terdahulu, pemakluman pelantikan Canselor baharu UTeM itu telah disampaikan barisan pihak pengurusan tertinggi UTeM diketuai Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali dan Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim di Pejabat Tuan Yang Terutama (TYT) pada 7 Oktober lepas.

> "Tun Mohd Ali merupakan anak jati Bukit Katil, Melaka telah dilahirkan pada 24 Ogos 1949 merupakan graduan Sarjana Muda Kemasyarakatan (Pembangunan Ekonomi), Universiti Sains Malaysia (USM) 1984 dan Sarjana Sastera, Universiti Malaya pada tahun 2013"

# COVID-19: Berhati-hati dengan berita palsu

**Faiz Hasan & Mohamad Fazrul Abdul Majid**

AYER KEROH - Masyarakat diingatkan agar berhati-hati dengan kenyataan yang ditularkan di media sosial rentetan pengaruh berita palsu dan penyebaran kata-kata kesat di platform atas talian itu.

Ketua Polis negeri, Datuk Wira Mat Kasim Karim berkata, perkara itu akan menimbulkan pelbagai kesan kepada masyarakat terutama ketika musim pasca penularan pandemik COVID-19 berlaku di negara ini.

"Pengaruh media sosial begitu meluas sehinggakan ada pihak sengaja menyebarkan perkara tidak benar sehingga menjadikan perkara itu benar berlaku mendatangkan kesan dalam masyarakat.

"Masyarakat diingatkan agar berhati-hati dalam penggunaan media sosial kerana akan memberi kesan buruk sekiranya tidak digunakan secara berhemah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri bagi menerima penganugerahan pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran negeri Melaka 2020 sesi pertama sempena Sambutan Hari Jadi ke 71 Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam di Balai Istiadat, Seri Negeri, di sini baru-baru ini.

Tambah Mat Kasim, pihaknya turut telah bersiap siapa dalam menghadapi sebarang kebarangkalian terhadap penguatkuasaan keselamatan bagi berdepan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mahupun sebaliknya sekiranya berlaku.

Katanya, pihak polis seluruh negara bersedia menghadapi perkara itu dan yakin dengan kekuatan yang disediakan perkhidmatan agensi terbabit bagi mencegah penularan yang berlaku melalui pengalaman PKP seperti yang pernah dilaksanakan awal tahun lalu.

"Kita telah bersedia dengan fenomena yang berlaku dan polis memberi jaminan bahawa keselamatan di Melaka terkawal malah kita harap masyarakat sentiasa menekankan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Keselamatan rakyat kita jamin setakat ini terkawal termasuk dari segi kadar jenayah yang berlaku di Melaka.

"Kita telah meletakkan pasukan polis yang memantau keadaan keselamatan di Melaka termasuk dengan kawalan trafik bagi memastikan orang ramai terutama pelancongan domestik selamat apabila tiba di Melaka," katanya.

Terdahulu, Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran negeri Melaka 2020 diadakan pagi tadi telah menganugerahkan Mat Kasim bagi menerima Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) yang membawa gelaran Datuk Wira.



**MOHD Ali menganugerahkan pingat Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) yang membawa gelaran Datuk Wira kepada Mat Kasim pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran negeri Melaka 2020 sesi pertama sempena Sambutan Hari Jadi ke-71 Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka di Balai Istiadat, Seri Negeri, baru-baru ini.**

# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

SHENG TAI INTERNATIONAL 盛泰国际

AMES HOTEL

HOTEL MetraSquare MELAKA

Dato Leong Sir Ley, President
Sheng Tai International, AMES Hotel & Hotel Metrasquare

# "Harus kuarantin 14 hari selepas jalani ujian calitan"

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Individu yang yang baru pulang dari kawasan berisiko tinggi dan mereka telah menjalankan ujian calitan (swab test) COVID-19 di negeri ini diwajibkan untuk melakukan kuarantin kendiri selama 14 hari.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri Rahmad Mariman berkata, tindakan tegas akan dikenakan kepada mereka yang ingkar arahan berkenaan.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kejadian individu bergelang pink yang didapati keluar membeli belah di sebuah pasar raya di Banda Hilir, baru-baru ini.


RAHMAD

"Kita nasihatkan yang memakai gelang pink untuk terus patuh kepada perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO). Jangan risikokan keselamatan orang lain dan diri anda sendiri.

"Begitu juga mereka yang telah menjalani swab test. Walaupun negatif, mereka harus terus patuh HSO dan melakukan kuarantin kendiri.

"Ingat, kita masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), patuhilah arahan yang ditetapkan dan jika tidak, tindakan keras akan dikenakan," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Dalam pada itu, Rahmad menasihati orang ramai agar tidak panik dan terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan walau di mana mereka berada.

"Kes memang akan menunjukkan trend menaik sepanjang minggu ini disebabkan kerja-kerja saringan kontak rapat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Alhamdulillah Melaka tidak terkesan setakat ini. Namun demikian, suka saya ingatkan agar orang ramai memperketatkan kawalan kendiri, patuhi SOP dan sentiasa menjaga diri di mana jua mereka berada," katanya lagi.




**INDIVIDU yang yang baru pulang dari kawasan berisiko tinggi dan mereka telah menjalankan ujian calitan (swab test) COVID-19 di negeri ini diwajibkan untuk melakukan kuarantin kendiri selama 14 hari.** (Gambar Hiasan)

## PLUS rekodkan penurunan kenderaan keluar masuk Melaka

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Pelancong ke Melaka dilihat kurang memberangsangkan menerusi data keluar masuk ke negeri ini yang dikongsikan PLUS Malaysia Bhd (PLUS).

Menerusi data PLUS yang dikongsikan ke Melaka Hari Ini (MHI), ia menunjukkan sedikit penurunan membabitkan aliran keluar masuk trafik ke Melaka

Menurut data yang dikongsi itu, aliran trafik kenderaan keluar masuk ke Melaka sedikit menurun pada hujung minggu lalu iaitu pada 3 dan 4 Oktober berbanding minggu sebelumnya pada 26 dan 27 September 2020.

Berdasarkan rekod diterima pada 3 dan 4 Oktober, sejumlah 41,884 kenderaan yang masuk ke Melaka menerusi Plaza Tol Ayer Keroh, manakala minggu sebelumnya sejumlah 48,047 kenderaan.

"Bagi kenderaan yang keluar melalui Plaza Tol Ayer Keroh pada 3 dan 4 Oktober sejumlah 45,228 kenderaan direkodkan dan minggu sebelumnya sejumlah 51,142 kenderaan.

"Plaza Tol Simpang Ampat pula sebanyak 27,294 kenderaan masuk ke Melaka (3 dan 4 Oktober) dan sejumlah 31,688 pada minggu sebelumnya.

"Manakala kenderaan keluar Melaka sebanyak 27,149 (3 dan 4 Oktober) dan sebanyak 30,143 pada 26 dan 27 September," jelas kenyataan tersebut.

Plaza Tol Jasin pula sebanyak 6,273 kenderaan masuk ke Melaka pada 3 dan 4 Oktober dan sebanyak 7,567 pada minggu sebelumnya.

"Manakala, kenderaan keluar Melaka sebanyak 6,841 pada 3 dan 4 Oktober dan sebanyak 8,391 kenderaan pada 26 dan 27 September lalu," katanya.

Dalam perkembangan lain, PLUS sentiasa memastikan setiap penyelia plaza tol memakai pelitup muka serta sarung tangan dibekalkan sepanjang masa terutama dalam urusan wang tunai.

"Kakitangan juga dinasihat menggunakan 'hand sanitizer' sebelum dan selepas berurusan dengan pelanggan termasuk penjarakan sosial.

"Orang ramai perlu memastikan baki kad Touch 'n Go mencukupi bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19, sekali gus melancarkan perjalanan pengguna lebuh raya," katanya.



12-18 okt 2020 (sec2)_Layout 1 10/10/2020 7:06 PM Page 2




# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

RESERVOIR LINK

Reservoir Link Energy Bhd

# Jabatan Laut siasat insiden dua kapal langgar

> “Tiada kerosakan yang boleh menyebabkan kedua-dua kapal itu tenggelam ataupun memberi ancaman sebarang pencemaran alam sekitar seperti tumpahan minyak dan sebagainya.”

PANTAI KUNDOR - Dua buah kapal iaitu kapal pengangkut dan tangki mengalami kerosakan selepas dilaporkan berlanggar di 2.4 batu nautika arah barat daya dari Terminal Tanjung Bruas, Perairan Tanjung Kling, di sini, pada 2 Oktober lepas.

Kejadian jam 11.38 pagi itu bagaimanapun tidak membabitkan kecederaan anak kapal.

Menurut kenyataan media Jabatan Laut Malaysia (JLM) kejadian dikatakan berlaku ketika kapal pengangkut pasir MV Ocean Line dalam pelayaran dari kawasan tambakan Kota Laksamana.

“Semasa kejadian kapal pengangkut pasir dalam perjalanan ke lokasi pengambilan pasir luar Had Pelabuhan Melaka telah melanggar bahagian tengah sebelah kiri kapal tangki yang sedang berlabuh sauh dalam Had Pelabuhan Melaka.

“Akibat perlanggaran itu, kedua-dua kapal terbabit mengalami kerosakan,” katanya.

Mengulas lanjut, bagaimanapun tiada sebarang ancaman atau tumpahan minyak berlaku daripada insiden itu.

“Tiada kerosakan yang boleh menyebabkan kedua-dua kapal itu tenggelam ataupun memberi ancaman sebarang pencemaran alam sekitar seperti tumpahan minyak dan sebagainya.

“Malah tidak juga melibatkan sebarang kematian mahupun kecederaan pada anak kapal terbabit ataupun pihak ketiga,” katanya.



**DUA kapal yang berlanggar di 2.4 batu nautika arah barat daya dari Terminal Tanjung Bruas, Perairan Tanjung Kling pada 2 Oktober lepas.**

Ujarnya lagi, JLM melalui JLM Wilayah Tengah telah menubuhkan satu pasukan penyiasatan bagi memperincikan kejadian selain sentiasa memantau situasi tersebut bagi mengekalkan keselamatan pelayaran kapal-kapal serta penjagaan alam sekitar marin dari tercemar.

# Kerajaan negeri teliti insiden kapal berlanggar

**Din Ahmad**

INSIDEN dua kapal berlanggar di perairan Tanjung Kling, di sini pada 2 Oktober lepas amat membimbangkan kerajaan negeri kerana mengancam keselamatan anak kapal dan alam sekitar.

Punca kejadian harus segera disiasat Jabatan Laut Malaysia dan laporan lengkap mengenainya harus diserahkan kepada kerajaan negeri.

Ia penting bagi membolehkan kerajaan negeri mengambil tindakan lanjut terhadap pihak yang dipercayai menjadi punca kejadian sekali gus mengelakkan ia berulang di perairan Melaka.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan,Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Norhizam Hassan Baktee menegaskan, kerajaan negeri memandang serius kejadian itu kerana ia bukan setakat berlaku di perairan negeri ini, malah mengancam keselamatan anak kapal dan alam sekitar.

“Kejadian itu tidak sepatutnya berlaku, apatah lagi pada waktu siang dan dalam keadaan cuaca dilaporkan baik tanpa hujan atau ribut di perairan Tanjung Kling ketika itu.

“Kerajaan negeri sudah meminta Jabatan Laut Malaysia menjalankan siasatan terperinci dan menyediakan laporan untuk kami mengambil tindakan selanjutnya,” katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Norhizam berkata, beliau sudah melihat klip video insiden berkenaan tetapi tidak mahu membuat sebarang rumusan sama ada ia berpunca daripada kesilapan teknikal atau kesilapan manusia.



**NORHIZAM**

“Biarlah Jabatan Laut Malaysia menjalankan siasatan dan kita akan mengambil tindakan berasaskan laporan dan cadangan jabatan itu,” katanya.

Jabatan Laut Malaysia dilaporkan berkata, dalam kejadian 11.38 pagi kelmarin, kapal pengangkut pasir, MV Ocean Line 5001 melanggar kapal tangki, MT Strovocos pada kedudukan kira-kira 2.4 batu nautika arah barat daya Terminal Tanjung Bruas, Perairan Tanjung Kling. Bagaimanapun, ia tidak menyebabkan kemalangan jiwa dan ancaman kepada alam sekitar.

MV Ocean Line 5001 dari kawasan tambakan Kota Laksamana menuju ke lokasi pengambilan pasir luar had pelabuhan Melaka sebelum melanggar bahagian tengah sebelah kiri MT Strovocos yang ketika itu berlabuh di dalam had pelabuhan Melaka.

Insiden itu menyebabkan kedua-dua kapal mengalami kerosakan dan susulan itu jabatan berkenaan menubuhkan pasukan penyiasat bagi mengenal pasti punca kejadian.

Sehubungan itu, jabatan berkenaan turut meningkatkan pemantauan situasi berkenaan bagi memastikan keselamatan pelayaran kapal lain, sekali gus menggelakkan sebarang kejadian pencemaran terhadap alam sekitar.

# Nelayan mahu situasi ‘menang-menang’

**Farah Suhaidah Othman**

MASALAH kehadiran kapal-kapal besar termasuk kapal yang membawa muatan pasir di perairan Pantai Puteri sehingga menjejaskan pendapatan nelayan sudah lama berlanjutan tanpa sebarang tindakan diambil bagi menyelesaikan kesusahan dialami golongan itu.

Ketua Komuniti Nelayan Kampung Pantai Puteri Azmi Leman berkata, dia mewakili nelayan di kampung itu tidak sama sekali menolak sebarang pembangunan berhampiran pantai tersebut, namun sekiranya ada kaedah penyelesaian yang boleh diambil bagi meringankan beban nelayan, itu sudah memadai bagi menampung kehidupan nelayan sekeluarga yang hidup bergantung kepada hasil laut.

Jelasnya, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), kira-kira 30 kapal besar berlabuh sementara di tengah-tengah perairan itu.

“Sepanjang tempoh itu, agak sukar nelayan hendak memukat di kawasan perairan itu kerana mereka semua rata-ratanya menggunakan kaedah pukat hanyut hingga beberapa kali pukat tersangkut di kapal tersebut.

“Ini mendatangkan kerugian kepada nelayan, sudahlah punca pendapatan hilang malah hendak betulkan semula pukat pun memerlukan kos,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau yang juga Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Cawangan Melaka Tengah berkata, pembangunan di Jeti Tanjung Bruas mengambil jarak 500 meter untuk ditambak sehingga ke tengah laut dan pembangunan di kawasan itu tentunya memberi kesan terhadap pendapatan nelayan dalam tempoh empat lima tahun akan datang.

Berikutan itu katanya, kaedah penyelesaian perlu diambil antara syarikat kapal berkenaan dan golongan nelayan supaya kedua-duanya mendapat situasi menang-menang (win-win situation).

“Saya mengambil contoh di Pelabuhan Klang, syarikat yang mengusahakan kapal besar memberi pampasan dengan memberikan sejumlah wang kepada golongan nelayan dan meminta mereka supaya tidak memukat di kawasan pelabuhan kapal-kapal besar itu, jadi mereka faham.

“Berbeza di perairan di sini kerana tiada sebarang perbincangan dibuat, malah jika kita turun ke laut dan berselisih dengan kapal besar, kita yang terpaksa beralah sebab kita bot kecil, buatnya dilanggarnya kita macam mana?” katanya.

## WAKTU SOLAT

*Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.*

12 September - 18 Oktober 2020 ( 24 Safar 1442H - 1 Rabiulawal 1442H)

| | SUBUH | SYURUK | ZOHOR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 OKTOBER 2020 | 5.48 am | 6.59 am | 1.00 pm | 4.14 pm | 7.01 pm | 8.10 pm |
| 13 OKTOBER 2020 | 5.47 am | 6.59 am | 1.00 pm | 4.14 pm | 7.01 pm | 8.10 pm |
| 14 OKTOBER 2020 | 5.47 am | 6.59 am | 1.00 pm | 4.14 pm | 7.00 pm | 8.10 pm |
| 15 OKTOBER 2020 | 5.47 am | 6.58 am | 12.59 pm | 4.14 pm | 7.00 pm | 8.10 pm |
| 16 OKTOBER 2020 | 5.47 am | 6.58 am | 12.59 pm | 4.15 pm | 7.00 pm | 8.09 pm |
| 17 OKTOBER 2020 | 5.46 am | 6.58 am | 12.59 pm | 4.15 pm | 7.00 pm | 8.09 pm |
| 18 OKTOBER 2020 | 5.46 am | 6.58 am | 12.59 pm | 4.15 pm | 6.59 pm | 8.09 pm |

www.melakahariini.my Melaka Hari Ini


Setinggi-tinggi Tahniah
BERSATU TEGUH • MELAKA • برساتو تڬوه
KEPADA
Tuan Yang Terutama
Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka
SEMPENA
Sambutan Hari Jadi Ke-71
9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H
SETULUS IKHLAS DARIPADA
MPHTJ
Yang Dipertua, Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis
Seluruh Warga Kerja
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

## Pasca COVID-19

# Usahawan Bumiputera perlu rebut peluang

**Faiz Hasan**

REMBIA - Kerajaan menyeru kepada semua usahawan khususnya golongan Bumiputera agar merebut setiap peluang yang ditawarkan bagi menjana semula ekonomi akibat daripada penularan pandemik COVID-19.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Md. Yusof berkata, pelbagai peluang perlu direbut melalui pelbagai inisiatif ditawarkan agensi kerajaan dalam menjana pendapatan dengan berdepan bagi mengatasi setiap permasalahan yang berlaku di dalam perniagaan.

"Kita sarankan mereka berjumpa dengan agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) serta pelbagai agensi lain kerana mereka inilah yang bertanggungjawab menguruskan permasalahan ini.

"Kita bimbang jika bantuan kerajaan yang disediakan ini tidak dapat memacu pembangunan ekonomi pasca pandemik yang berlaku ini, jadi kita perlu ada idea demi membangunkan usahawan tempatan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan Lawatan Kerja di Alor Gajah, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Redzuan yang juga merupakan Ahli Parlimen Alor Gajah berkata, strategi lain dalam keusahawanan juga perlu dipraktikkan usahawan dengan penggunaan teknologi terkini bagi mengembangkan perniagaan.

"Kaedah platform atas talian (online) amat penting dalam pemasaran dan sebagainya malah saya melihat hari ini ada peruncit yang basih bergantung kepada pusat pemborongan secara fizikalnya sedangkan banyak peniaga pasar yang berjaya hari ini menggunakan kaedah atas talian dalam perniagaan.

"Jadi, jika kita benar tahu menggunakan platform ini dengan pengurusan yang teratur berkemungkinan usahawan atas talian ini juga mampu memberi manfaat kepada usahawan lain," katanya.

> "Kita bimbang jika bantuan kerajaan yang disediakan ini tidak dapat memacu pembangunan ekonomi pasca pandemik yang berlaku ini, jadi kita perlu ada idea demi membangunkan usahawan tempatan ini."

Terdahulu, media tempatan baru-baru ini melaporkan, dana pembiayaan buat Bumiputera yang disalurkan kerajaan menerusi PUNB dan MARA masih banyak berbaki yang belum dimohon.

Dana yang disalurkan sebanyak RM500 juta menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada Jun lalu, menyaksikan sebanyak RM200 juta ditawarkan melalui PUNB dan RM300 juta disalurkan menerusi MARA.

Dana pembiayaan usahawan Bumiputera yang disalurkan kerajaan menerusi Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) dan MARA sebanyak RM500 juta masih banyak berbaki dan belum dimohon adalah bertujuan memastikan kelangsungan usahawan Bumiputera dalam mendepani kesan COVID-19

Bagaimanapun, dari inisiatif terbabit hanya RM16.22 juta telah disalurkan PUNB manakala jumlah yang disalurkan menerusi MARA masih belum diperoleh.

# Pusat Pemindahan Sementara mampu tampung mangsa banjir

HAMPIR 5,422 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang disediakan seluruh negara berada pada kadar mencukupi sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh tahun ini.

Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof berkata, PPS yang disediakan di semua lokasi di negara ini mampu menampung seramai 1,554,713 mangsa yang menghadapi insiden banjir pada satu-satu masa.

Bagaimanapun katanya, dalam tempoh bencana yang berlaku sebelum ini hanya seramai 500,000 mangsa telah dipindahkan ke PPS.

"Bagi berdepan situasi yang dijangkakan itu pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) akan dijalankan di PPS malah akan mengurangkan jumlah mangsa di sesebuah lokasi dalam satu-satu masa.

"SOP ini akan dilaksanakan dengan mengurangkan jumlah mangsa bergantung kepada keluasan PPS mengikut ketetapan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan kerja di Alor Gajah, baru-baru ini.

Pada masa sama menurutnya, setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana itu telah bersiap-siaga mendepani bencana yang bakal berlaku tidak lama lagi.

Katanya, lebih 4,000 pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dengan bantuan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta aset masing-masing telah bergerak dan menyelaraskan setiap kebarangkalian yang berlaku bagi menghadapi situasi terbabit.

"Keperluan PPS berserta perolehan terhadap kelengkapan-kelengkapan tertentu telah disenaraikan dan kita akan menyemak semula bagi melaksanakan proses seterusnya bagi persediaan kali ini," jelasnya.



**MOHD Redzuan menyantuni peniaga di Pasar Besar Menggong dalam lawatan kerjanya di Alor Gajah, baru-baru ini.**



**DM'MART memulakan operasinya pada 6 Oktober lepas yang berlokasi di Bangunan Kota Cemerlang, Ayer Keroh.**

# DM'Mart mula beroperasi

AYER KEROH - Kedai serbaneka DM'Mart milik Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) secara rasminya dibuka pada 6 Oktober lepas di Bangunan Kota Cemerlang.

Pemangku Presiden DMDI, Prof. Datuk Wira Dr. Mohd Jamil Mukmin berkata, kedai serbaneka tersebut menjual pelbagai jenis makanan sedia dimakan 'ready-to-eat', 'ready to cook' dan barangan keperluan harian.

"Diuruskan DMDI Ventures Sdn.Bhd. anak syarikat Yayasan DMDI, DM'Mart berkonsepkan urban, moden dan kontemporari sesuai dengan gaya atau 'trend' membeli-belah masa kini.

"Kedai ini menjual pelbagai jenis makanan halal siap dimasak seperti nasi lemak, mee rebus tulang, mee kari tulang, aneka jenis minuman panas dan sejuk, roti, bakeri dan pastri yang dibakar segar, buah-buahan potong dan banyak lagi" katanya kepada MHI.

Jelasnya, DM'Mart juga menjual makanan tradisional tempatan seperti nasi tomato, nasi ayam, nasi arab, nasi minyak nasi bersama sup tomyam, ayam goreng ranggup serta makanan barat.

"Kita pasti menu-menu ini dapat menambat hati orang ramai dan kita sasarkan sekurang-kurangnya empat kedai serbaneka DM'Mart akan dibuka sehingga Disember 2020 ini.

"Manakala, sebanyak 200 kedai serbaneka DM'Mart pula akan dibuka di seluruh Malaysia selewat-lewatnya penghujung tahun hadapan," katanya.

Katanya, Yayasan DMDI menyahut seruan serta cadangan Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali Mohd Rustam yang menyasarkan tahun 2020 hingga 2021 tahun Pembangunan Usahawan DMDI.

"Tahun itu merupakan tahun memperkasa usahawan melalui Pelan Pembangunan Usahawan 2020-2021 seperti yang dicadangkan Tun.

"Tun (Mohd Ali) mahu lihat usahawan Melayu khususnya berani terokai bidang perniagaan peruncitan lebih mendalam lagi," katanya lagi.

Tambahnya, orang ramai yang berminat mempelajari aspek pembangunan usahawan peruncitan boleh hadir ke DM'Mart atau Yayasan DMDI untuk maklumat lanjut.

# Melaka masih buka pintu buat pelancong domestik

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BANDA HILIR - Pintu masuk ke Melaka akan terus dibuka kepada pelancong domestik sekali gus menepis spekulasi mengaitkan sektor pelancongan akan kembali suram berikutan peningkatan mendadak kes COVID-19 dalam negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, kedatangan pelancong amat dialu-alukan memandangkan ia amat penting bagi menjana pertumbuhan ekonomi Melaka yang terkenal sebagai negeri berteraskan pelancongan.

Tegasnya, walaupun beberapa negeri menunjukkan pertambahan kes yang mendadak, namun beliau memberi jaminan bahawa negeri ini masih selamat dikunjungi dengan syarat setiap pengunjung




JAILANI bersama Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) Datuk Murad Husin menunjukkan promosi terbaharu Melaka River Cruise kepada petugas barisan hadapan.

mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Kita memang sangat mengalu-alukan kedatangan pelancong seperti biasa. Tapi ingat setiap kali datang, janganlah langgar SOP. Peraturan sama masih berkuatkuasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Tak perlu bimbang datang ke Melaka. Kita jamin keselamatan, kita jamin kebersihan yang mana kita sentiasa menjalankan kerja-kerja nyahcemar di kawasan-kawasan pelancongan.

"Cuma kita minta, janganlah ditularkan perkara-perkara yang tak betul sepanjang tempoh ini yang akan memberi kesan kepada kita sebagai negeri pelancongan,"ujarnya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pelancaran Promosi "Oktober 2020 Frontliners dan Keluarga Anda Dihargai" di atas Kapal Mendam Berahi, di sini, pada 6 Oktober lepas.

Dalam pada itu, mengulas mengenai penurunan jumlah kehadiran pelancong minggu lalu, Muhammad Jailani berkata, ia sedikit sebanyak berpunca daripada penularan berita palsu mengenai pandemik COVID-19 yang kononnya merebak di bangunan pentadbiran kerajaan negeri di Kompleks Seri Negeri, Ayer Keroh, minggu lalu.

Beliau mendakwa penularan berita itu seolah-olah memberi gambaran Melaka berada di tahap kritikal, sekali gus membuatkan orang ramai takut untuk datang ke negeri ini.

"Di Seri Negeri, kita laksanakan proses nyahcemar secara berkala dan kebetulan pula ada kes ADUN Ayer Limau berlaku pada waktu itu. Beliau juga telah menjalani proses kuarantin sejurus disahkan positif.

"Walaupun kes di negara ini sedang meningkat, namun Melaka tetap hanya ada satu kes sahaja sekarang dan saya berharap kita dapat mengekal status negeri hijau pada November dan Disember yang dijangka menjadi tempoh penting bagi memangkin sektor pelancongan di negeri ini,"katanya lagi.

# Teksi air bakal jadi tarikan terbaharu Sungai Melaka

PERKHIDMATAN teksi air (water taxi) bakal menjadi satu tarikan terbaharu di Sungai Melaka, sedikit masa lagi.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) Datuk Murad Husin berkata, ia merupakan antara pembaharuan yang bakal dilaksanakan selepas Sungai Melaka Fasa 2 berjaya direalisasikan.

Menurutnya, perkhidmatan teksi air itu bakal menjadi satu lagi alternatif yang dilakukan pihak PPSPM untuk membolehkan orang ramai menaikinya sebagai satu lagi alternatif pengangkutan awam di negeri ini.

Tambahnya lagi, perkhidmatan itu dijangka akan merangkumi perjalanan sejauh 9.6 kilometer dari Melaka Sentral hingga ke muara di Banda Hilir dan akan melibatkan beberapa hentian tertentu.

"Apa pun, kita perlu tunggu Sungai Melaka Fasa 2 dibolehkan operasi. Harapan saya kalau boleh tahun depan kita sudah boleh mulakan perkhidmatan ini.

"Maksudnya selepas ini, orang ramai boleh menaiki water taxi dari Melaka Sentral dan boleh ke muara atau mana-mana hentian yang kita sediakan seperti di Kampung Morten, Taman Rempah dan sebagainya. Jumlah hentian sebenar belum diputuskan lagi.

"Kita mungkin bercadang untuk memulakan dengan dua buah teksi air terlebih dahulu dan jika sambutan yang diterima begitu baik, kita akan tambahkannya lagi," katanya.

Mengulas lanjut, Murad berkata pihaknya kini sedang dalam usaha menyelesaikan segala permasalahan yang berlaku membabitkan projek Sungai Melaka Fasa 2.

Jelasnya, antara isu yang telah diselesaikan termasuklah membabitkan aspek kedalaman sungai dan penambahbaikan tebing.

"Projek itu kalau diikutkan sudah siap, tetapi ia di luar kawalan kita kerana tendernya di bawah pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Sebab itulah kita perlu lihat balik apa-apa isu yang perlu diselesaikan sebelum kita dapat beroperasi dan memulakan apa jua aktiviti yang sudah kita rancang," katanya lagi.




MURAD (kanan) bersama Jailani melihat keadaan muara Sungai Melaka dari atas Kapal Mendam Berahi.

# SOP masjid, surau Melaka dikekalkan

Saliawati Salberi

BUKIT KATIL - Prosedur operasi standard (SOP) di masjid dan surau di negeri ini yang menetapkan satu pertiga kapasiti bagi aktiviti solat jemaah dan solat Jumaat masih kekal.



ABDUL Halim

Mufti negeri, Datuk Abdul Halim Tawil berkata, tiada sebarang pindaan dilakukan pihaknya buat waktu ini dan masih berpandukan SOP sedia ada.

"Dengan situasi COVID-19 yang tidak menentu pada waktu ini, kita mengekalkan SOP sedia ada walaupun pada Isnin ada perbincangan untuk kecilkan penjarakan tetapi terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu.

"Tindakan mengekalkan SOP sedia ada adalah sebagai langkah pencegahan dan jemaah turut diingatkan untuk sentiasa mematuhi SOP seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada kunjung hormat Melaka Hari Ini (MHI) yang diketuai Ketua Pegawai Eksekutif MHI Datuk Seri Abdul Jalil Hamid serta Ketua Pegawai Operasi Auar Shaari serta hadir sama Timbalan Mufti Hazarudin Baharudin.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kebenaran kepada pencemarah jemputan daripada luar turut dibenarkan tetapi dengan kebenaran bersyarat.

"Walaubagaimanapun mana-mana kebenaran itu boleh ditarik balik sekiranya situasi COVID-19 tidak menentu serta keadaan yang mendesak.

"Banyak yang sudah diberi kebenaran sehingga hujung bulan ini termasuk sempena sambutan Maulidur Rasul dan pemantauan akan dibuat bagi memastikan setiap yang hadir mematuhi SOP," katanya.

# KITARecycle diperluas, galak amalan kitar semula




PENGURUS Cawangan Jasin SWM Environment, Zuwal Aide Zahid (kiri) dan wakil Gereja Methodist Merlimau, Adrian Pua (kanan) pada majlis penyerahan sangkar KITARecycle, baru-baru ini.

MERLIMAU - Program KITARecycle yang dilaksanakan oleh SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) terus mendapat perhatian dari pelbagai institusi dan organisasi termasuklah rumah ibadat.

Terbaru, Gereja Methodist Merlimau, Jasin menjadi rumah ibadat kedua di negeri ini yang menyertai KITARecycle iaitu sebuah program kitar semula berinsentif yang menawarkan mata ganjaran kepada ahlinya.

Pengurus Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan SWM Environment, Dr Al'Ashari Othman berkata, penglibatan ini menunjukkan bahawa aktiviti kitar semula tidak hanya tertumpu di rumah, sekolah atau pejabat, malah boleh juga dilakukan di rumah ibadat.

"Rumah ibadat mempunyai pengaruh besar dan peranan penting untuk mendidik masyarakat mengenai amalan murni dalam kehidupan seharian termasuklah kepentingan kitar semula. Oleh itu, SWM Environment menyambut baik usaha mana-mana rumah ibadat yang ingin melaksanakan pembudayaan 3R (Reduce, Reuse, Recycle) dan Pengasingan Sisa Di Punca (SAS).

"Melalui KITARecycle, SWM Environment menyediakan platform untuk menggalakkan aktiviti kitar semula dengan kaedah yang terkini dan mesra pengguna. Pengguna hanya perlu mendaftar sebagai ahli KITARecycle di laman web www.kitarecycle.com atau memuat turun aplikasi ini di Google Play dan seterusnya dapat mengumpul mata ganjaran yang boleh ditukar kepada wang tunai melalui perbankan dalam talian," katanya.

Tambah Dr Al' Ashari, bagi menyokong inisiatif ini SWM Environment turut menempatkan sebuah sangkar kitar semula di Gereja Methodist Merlimau yang akan menjadi pusat pengumpulan barangan kitar semula KITARecycle di sekitar daerah Jasin.

"Kemudahan sangkar ini tidak terhad kepada ahli gereja sahaja, malah terbuka kepada penduduk sekitar asalkan mereka berdaftar sebagai ahli KITARecycle.

"Ahli KITARecyle hanya perlu menampal kod QR unik yang tertera nombor pendaftaran pada bungkusan yang mengandungi barangan kitar semula dan diletakkan di dalam sangkar. Seterusnya pihak SWM Environment akan membuat kutipan barangan kitar semula pada hari yang ditetapkan oleh Gereja Methodist Merlimau," katanya.

Sebelum ini, program KITARecycle telah pun dilaksanakan di Masjid Cina di Krubong dan mendapat penyertaan sangat menggalakkan daripada kariah dan penduduk setempat.

"Selain rumah ibadat, SWM Environment amat mengalualukan penglibatan individu perseorangan, komuniti setempat, agensi kerajaan dan swasta, sektor komersial, pusat pendidikan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam program KITARecycle.

"Inisiatif ini diharapkan dapat mendidik dan menggalakkan masyarakat agar lebih aktif melaksanakan amalan budaya kitar semula selain mewujudkan komuniti yang peka dengan pengurusan sisa pepejal yang berhemah," kata Dr Al' Ashari lagi.

Orang ramai atau mana-mana organisasi dan komuniti setempat yang ingin bekerjasama atau mendapatkan maklumat lanjut mengenai program KITA Recycle boleh menghubungi SWM Environment melalui emel: support@kitarecycle.com ataupun mesej WhatsApp kepada 012 618 0082.



# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

SELURUH WARGA PUSAT PERUBATAN MAHKOTA

MAHKOTA
MEDICAL CENTRE
仁爱医院

12-18 okt 2020 (sec2)_Layout 1 10/10/2020 7:31 PM Page 17



## Operasi Khas MBMB

# Pondok tanpa izin dirobohkan

**Liana Sahabudin**

AYER KEROH - Pasukan Unit FRONT Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) melakukan kerja meroboh pondok serta membersihkan kawasan pada Operasi Khas di Pulau Besar, baru-baru ini.

Datuk Bandar MBMB, Da-tuk Zainal Abu berkata, operasi itu susulan daripada Ops Bersepadu diadakan sebelum ini bagi menyelesaikan sisa-sisa kerja pembersihan.

"Didapati terdapat sebuah stor kontraktor yang pernah diberi notis sebelum ini diarahkan untuk rujuk kepada MBMB bagi mendapatkan surat kebenaran mendirikan struktur tersebut.

"Terdapat juga longgokan sampah sarap di beberapa lokasi tepi pantai dan hadapan medan selera milik Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM)," katanya kepada MHI.

Operasi itu diketuai Timbalan Pengarah Penguatkuasa MBMB, Mohd Irwan Samat dengan 10 anggota penguatkuasa dan Unit FRONT MBMB.

Katanya, hasil rondaan dan semakan hanya beberapa aktiviti perniagaan berlesen yang beroperasi dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Lain-lain kawasan bebas dari aktiviti menjaja tanpa kebenaran, beberapa khemah pengunjung yang dipasang tepi pantai diarah untuk dialihkan ke tempat yang dibenarkan.

"Semasa rondaan dua gelandangan iaitu dari Kelantan Masjid Tanah yang dikenalpasti tinggal di Pulau Besar diarahkan keluar dan hanya dibenarkan bermalam satu atau dua hari," katanya.

Ujarnya, setakat ini tiada sebarang aktiviti pembinaan stuktur baru di kawasan-kawasan operasi roboh sebelum ini dan keadaan di Pulau besar masih terkawal.

"Hanya penambahbaikan perlu dibuat bagi kerja-kerja pembersihan sampah-sarap di pulau ini," katanya lagi.



KERJA-kerja membersihkan kawasan Pulau Besar pada Operasi Khas tersebut.

> "Semasa rondaan dua gelandangan iaitu dari Kelantan Masjid Tanah yang dikenalpasti tinggal di Pulau Besar diarahkan keluar dan hanya dibenarkan bermalam satu atau dua hari."



12-18 okt 2020 (sec2)_Layout 1 10/10/2020 7:23 PM Page 10



## Pencemaran habuk arang batu

# JAS bakal lawat kawasan terjejas

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

AYER KEROH - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Melaka akan melawat ke kawasan terjejas dengan pencemaran habuk arang batu di Kampung Balik Bukit, Pantai Kundor pada pertengahan bulan ini.

Pengarah JAS Melaka Rosli Osman berkata, lawatan itu dijangka dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Datuk Nor Azman Hassan yang turut membabitkan pelbagai agensi berkaitan bagi menyiasat dan mencari jalan penyelesaian terbaik membantu penduduk.

“Kita akan adakan lawatan tersebut bersama Datuk Nor Azman dan difahamkan banyak agensi lagi yang akan terlibat nanti.

“Masalah yang berlaku di situ membabitkan operasi di pelabuhan. Jadi kita akan menunggu keputusan selanjutnya daripada lawatan berkenaan dan mesyuarat yang akan diadakan nanti sama ada operasi itu akan dihentikan atau ditukar ke tempat lain,” katanya ketika dihubungi.

Terdahulu, Melaka Hari Ini (MHI) melaporkan kira-kira 120 penduduk di Kampung Balik Bukit terpaksa hidup dalam keadaan menderita selepas terpaksa menhidu udara yang dicemari habuk arang batu.

Habuk berkenaan bukan sahaja mengotorkan persekitaran rumah, bahkan didakwa turut menjejaskan kesihatan penduduk sekitar.

Keadaan menjadi lebih buruk apabila bongkah arang batu yang dibawa lori dari dalam pelabuhan kerap terjatuh ke atas jalan raya sehingga menggugat keselamatan pengguna jalan raya di kawasan itu.




**PENDUDUK Kampung Balik Bukit melihat lori yang membawa muatan arang batu dari sebuah pelabuhan berdekatan rumah mereka.**



# JAWATAN KOSONG

## JABATAN TENAGA KERJA NEGERI MELAKA




### JAWATAN : EKSEKUTIF KEWANGAN

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-2-753311)**
HANIM BINTI HAJI RAFFIE
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Menguruskan perolehan dan pembayaran, mengawal peruntukan, meluluskan pemindahan imbuhan, meluluskan permohonan.

### JAWATAN : EKSEKUTIF KONTRAK

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-2-753315)**
HANIM BINTI HAJI RAFFIE
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Menetapkan dan menyelia prosedur operasidan pentadbiran; mengawasi aplikasi keselamatan kerja dan prosedur berkaitan; danmeningkatkan kefahaman.

### JAWATAN : EKSEKUTIF JUALAN

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-2-753312)**
TORICO SDN. BHD.
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Sales executives develop and coordinate advertising strategies and campaigns as well as create market opportunities for new, or existing products.

### JAWATAN : OPERATOR MESIN

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-8-753313)**
ALLIED PRECISION TECHNOLOGIES (M) SDN.BHD.
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Menjalankan mesin stamping

### JAWATAN : KERANI PEJABAT

**Nombor Rujukan: (2020-1-4-753263)**
**Nama syarikat :**
SHAM PEST CONTROL SDN BHD
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Kerani Am Pejabat melaksanakan pelbagai tugas perkeranian dan pentadbiran menurut prosedur yang ditetapkan penjadualan, lawatan tapak, menghadiri.

### JAWATAN : PEMANDU LORI

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-8-753177)**
GUAN SENG STEEL SDN BHD
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Pemandu Lori 5 meter (RM1,200)
Jawatan pemandu Lori 10 meter tan (RM1,600).

### JAWATAN : OPERATOR MESIN

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-8-752949)**
MAGNUM CABLE SDN.BHD.
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** 1.Ensure production job is carried out as instructed by the Superior.
2. To do proper housekeeping to keep workplace clean.

### JAWATAN : PEMBANTU STOR

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-4-753050)**
GUAN SENG STEEL SDN BHD
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Mengurus barangan besi keluli yang diterima, dihantar atau dimasukkan ke dalam stok.

### JAWATAN : MEKANIK

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-7-752997)**
YAZ TRADING
**Lokasi :** Jasin - Melaka
**Tugasan :** Mekanik dan Pembaikan Kenderaan Bermotor memasang, men servis dan membaik pulih kenderaan bermotor.

### JAWATAN : PEMANDU

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-8-753025)**
GREATLAND BUILDER SDN.BHD.
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Pemandu menghantar individu atau kumpulan dan dokumen ke destinasi yang dikehendaki dan menyediakan perkhidmatan yang lain seperti pengiring.

### JAWATAN : JURUTEKNIK

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-3-752994)**
KVC INDUSTRIAL SUPPLIES SDN BHD
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Civil Engineering Technicians perform technical tasks in civil engineering research, design, construction, operation, maintenance and repair.

### JAWATAN : TUKANG MASAK

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-5-753046)**
RESTORAN A&A ROSMERAH
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
Johor Bahru - Johor
**Tugasan :** Tukang Masak merancang, mengatur, menyediakan dan memasak makanan di restoran.

### JAWATAN : JURUMESIN CNC

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-7-752964)**
EUROJAYA PRECISION SDN BHD
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** We are precision engineering company for more than 20 years. Due to our expansion we are looking for dynamic personnel to fill in the vacancies.

### JAWATAN : AHLI FARMASI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-2-752883)**
KENDALLS NUTRITION SDN BHD
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Research and Development Pharmacist the research pharmacist will work mainly on two axes of research: contributing to the development.

### JAWATAN : PEMBANTU FRONT OFFICE

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-4-753226)**
SWEET MEMORIES HOTEL SDN BHD
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Melayani tetamu yang datang ke hotel dengan sopan santun serta berbudi bahasa. Memastikan kerja teratur dan berdisiplin.

### JAWATAN : PEMBANTU PENGAWAL DOKUMEN

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-2-753233)**
BENAJAYA SDN BHD
**Lokasi :** Alor gajah - Melaka
**Tugasan :** To maintain detailed records of Company licenses like Sijil Kementerian Kewangan (MOF) and Vendor TNB.

### JAWATAN : PENASIHAT KEWANGAN PELABURAN

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-2-753491)**
MUHAMAD KHAIROL ANUAR BIN MUHAMAD KAMALIK
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Membangunkan rancangan kewangan untuk individu dan organisasi dan melabur serta menguruskan dana; menemuduga pelanggan untuk menentukan status.

### JAWATAN : KERANI DOKUMEN

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-4-753092)**
NOR ZAFRINI BINTI MOHAMED ZAIN
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Kerani Pemfailan dan Penyalinan memfailkan surat-menyurat, kad, invois, resit dan rekod lain menurut tertib abjad atau angka, atau menurut sistem.

### JAWATAN : KERANI JUALAN

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-4-753047)**
GUAN SENG STEEL SDN BHD
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** This unit group covers Clerical Support Workers Not Elsewhere Classified in Minor Group 441: Other Clerical Support Workers.

### JAWATAN : PENGURUS

**Nama syarikat :** **Nombor Rujukan: (2020-1-1-752817)**
BARKAT FOOD HERITAGE SDN BHD
**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka
**Tugasan :** Memastikan kadar pendapatan, keuntungan dan matlamat restoran tercapai. Pengurus perlu memastikan operasi restoran cekap dan mengekalkan standard.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:
**JABATAN TENAGA KERJA NEGERI MELAKA**
**06-2345173 / 75**

# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

## Tuan Yang Terutama
## Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*



PROTON
INSPIRING CONNECTIONS



**Muhammad Hamka Bin Mohd Ali**
**Ahli Lembaga Pengarah**

**Norazri Bin Othman**
**Ketua Pegawai Eksekutif**

**PROTON 3S TAHAP PUNCAK SDN BHD**

Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus dan warga kerja Proton 3S Tahap Puncak Sdn Bhd.

Alamat :
No.19 Jalan PPBK, Pusat Perniagaan Bukit Katil, 75450 Bukit Katil, Melaka.
Pejabat : 06-3182853 Sales : 011-1199 2853 Service : 019-226 2853
FB/IG : @tahapuncak Email : tahap_puncak@proton.com

12-18 okt 2020 (sec2)_Layout 1 10/10/2020 7:24 PM Page 11



# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*



PRESIDEN, AHLI-AHLI JAWATANKUASA
& AHLI -AHLI MAJLIS DATUK-DATUK NEGERI MELAKA

sec1-mimie (pageMaiM12-18oct2020)NEWBARU_Layout 1 10/10/2020 7:30 PM Page 14





sec1-mimie (pageMaiM12-18oct2020)NEWBARU_Layout 1 10/10/2020 7:29 PM Page 13



# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

YAYASAN MELAKA

Pengurus Besar, Pengurusan
& Warga Kerja Yayasan Melaka

MIMBAR MAIM
EDISI KHAS
EDISI 12 OKTOBER 2020 - 18 OKTOBER 2020

**Sesuatu yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya. Barang siapa menghendaki pahala dunia, nescaya Kami berikan kepadanya pahala dunia itu, dan barang siapa menghendaki pahala akhirat, Kami berikan (pula) kepadanya pahala akhirat itu. Dan kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur.**

**Surah Ali Imran Ayat 145**

# MAIM giat bantu golongan memerlukan

**Erwin Abu Hasan**
**erwin@maim.gov.my**

JASIN - Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melaksanakan pelbagai kaedah bagi menjejaki golongan kurang bernasib baik serta menyantuni mereka dengan penuh kerahmatan.

Pelbagai cara dilaksana antaranya memaparkan nombor talian untuk menghubungi MAIM pada setiap sudut papan kenyataan di sekitar negeri bagi membolehkan mereka yang dalam kesusahan mendapatkan bantuan.

Penolong Setiausaha Bahagian Agihan Zakat MAIM, Shakina Said berkata melalui laman sosial turut mendapat perhatian MAIM dalam usaha memberi makluman secara digital bagi tujuan pemberitahuan lebih pantas.

Katanya, pada masa kini laman sosial merupakan antara platform utama yang mampu diguna sebaiknya dalam menyampaikan maklumat dan infomasi terkini kepada orang ramai.

Sakinah menjelaskan, MAIM turut mempunyai laman sosial seperti facebook mahupun instagram yang boleh di akses secara total oleh orang ramai bagi mengetahui matlamat dan aktiviti terkini pihak MAIM.

"Kita juga menggalakkan kepada orang ramai untuk membantu kami dan menjadi mata dan telinga dalam memastikan mereka yang dalam kesusahan dapat dibantu terutama pada ketika situasi sukar dengan gelombang virus Covid-19 yang telah melanda negara sejak awal tahun ini." ujarnya.

"Sejak memaparkan hebahan talian telefon melalu media sosial, semakin mudah untuk orang awam melaporkan golongan asnaf yang tercicir daripada pengetahuan MAIM."

Tambah beliau, sejak berlakunya penularan wabak Covid-19 ini, semakin ramai dalam kalangan umat Islam di negeri ini telah kehilangan punca pendapatan dan ini menjadi perhatian MAIM sejak dari awal lagi.

Bantuan berbentuk wang tunai dan kit makanan serta keperluan lain merupakan antara bantuan segera yang disediakan dan sudah pasti SAZ akan memastikan ianya dapat disampaikan kepada golongan yang susah.

"MAIM tetap akan terus turun padang setiap hari dan setiap waktu serta kami juga menyeru kepada orang ramai untuk sama-sama membantu kami dalam mengenal pasti mereka yang tidak berkemampuan supaya agihan zakat dapat disalurkan kepada mereka yang benar-benar layak."



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim bersemangat turun padang menyantuni asnaf di sekitar negeri ini.



SHAKINA bertanya khabar kepada salah seorang asnaf di DUN Asahan.



PRIHATIN...Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim meluangkan masa menyantuni asnaf yang hadir berurusan di Bahagian Agihan Zakat MAIM.



Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my




**MUFTI Negeri, Datuk Wira Haji Abdul Halim Tawil merasmikan dan menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta program Diskusi Fatwa Semasa Pemegang Tauliah Negeri Melaka baru-baru ini. Seramai 130 orang peserta hadir pada program berkenaan yang tertumpu kepada kaedah pengisian dan pemantapan ilmu dalam penyampaian dakwah kepada masyarakat di negeri ini.**

**PENCERAMAH jemputan, Imam Muda Asyraf bersama Rozita Ab Hamid menjadi panel pada program Bicara Keluarga bertajuk "Semarakan, Nyalakan dan Semaikan Cinta" yang telah diadakan di Auditorium Al-Azim. Program anjuran Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI) JAIM berkenaan telah dirasmikan oleh Pengarah JAIM, Datuk Md Azhan Samat**






**SEBAHAGIAN peserta yang terdiri daripada saudara muslim di negeri ini hadir pada Bengkel Pengurusan Harta Pusaka Dalam Islam yang telah diadakan di Kompleks Darul Huda baru-baru ini. Bengkel yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bersama Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) memberi penekanan kepada kaedah urustadbir harta pusaka mengikut syariat Islam yang telah ditetapkan.**

Ke Manakah Wakaf Anda?
Jom Berwakaf
Wakaf Tunai Melaka
Bayaran Wakaf Serendah RM2.00 Sahaja
Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan
Pembangunan Hartanah Wakaf
Pembaikan Hartanah Wakaf
Kaedah bayaran #1 MELALUI POTONGAN GAJI SECARA BULANAN
Kaedah bayaran #2 Download APPS e-WALLET BOOST
Kaedah bayaran #3 Bayar di Kaunter Wakaf MAIM
Kaedah bayaran #4 MELALUI AKAUN BANK BANK ISLAM (MAIM) 0401 5010 0174 34
Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809

sec1-mimie (pageMaiM12-18oct2020)NEWBARU_Layout 1 10/10/2020 7:27 PM Page 8



# Sebar berita palsu adalah fitnah, dosa besar

> Pengguna perlu berhati-hati dalam menyebarkan maklumat di platform tersebut kerana penggunaan laman sosial adalah bagi menyebarkan perkara benar dan bukan berniat bagi mengaibkan sesetengah pihak.

PERBUATAN menyebarkan berita tidak benar atau palsu untuk kepuasan diri sendiri dan pihak tertentu disifatkan sebagai fitnah dan sewajarnya ditegah.

Perbuatan terbabit berlaku bagi tujuan mendatangkan buruk sangka, konflik yang membawa kepada perpecahan kekeluargaan, organisasi dan perpaduan.

Bagi mereka ia satu kepuasan dengan tujuan melagakan dua belah pihak namun mereka perlu tahu dari sudut Islam ia merupakan perkara yang dilarang.

Jika perkara ini berlaku tanpa usul periksa ia sekali gus akan menimbulkan pergaduhan dan permusuhan yang mendatangkan kerugian kepada kita.

Jadi, sebenarnya kita mempunyai cara tersendiri dalam berkeluarga dan bermasyarakat dan jika ada salaf faham perlu berbincang selain daripada menyebarkan perkara tidak pasti.

Dalam konteks Islam ia adalah salah satu fitnah dan ini merupakan dosa besar buat umat Islam dan perlu dijauhkan kerana ia membawa kehancuran dan akhirnya akan membawa penyesalan kepada diri sendiri.

Adalah sebaiknya kepada semua pengguna laman sosial sentiasa berwaspada dalam menyebarkan maklumat di platform itu bagi mengelak fitnah.

Pengguna perlu berhati-hati dalam menyebarkan maklumat di platform tersebut kerana penggunaan laman sosial adalah bagi menyebarkan perkara benar dan bukan berniat bagi mengaibkan sesetengah pihak.

Jika mendapati penyebaran berita palsu berlaku, perlu henti dan janganlah disebarkan kerana perbuatan ini perlu ditegah sewajarnya malah masyarakat Islam perlu menanam nilai agama dalam diri sendiri.










# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

Ahli Lembaga Pengarah,
Setiausaha & Seluruh Warga Kerja
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)

sec1-mimie (pageMaiM12-18oct2020)NEWBARU_Layout 1 10/10/2020 7:31 PM Page 16





sec1-mimie (pageMaiM12-18oct2020)NEWBARU_Layout 1 10/10/2020 7:30 PM Page 15



# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

## Tuan Yang Terutama
## Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

EDRA

中广核 CGN

**EDRA POWER HOLDINGS SDN BHD** 201501039563 (1164881-X)
Level 43, Menara Maxis, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia
tel: +603 2302 0600 fax: +603 2381 6677
www.edra.energy

MALAYSIA • EGYPT • BANGLADESH • UAE • PAKISTAN

# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**

**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

PANTAI HOSPITAL
Ayer Keroh

Pantai Hospital Ayer Keroh
Cawangan Pantai Medical Centre Sdn. Bhd. (73056-D)
No. 2418-1, KM 8, Lebuh Ayer Keroh, 75450 Melaka, Malaysia
Tel : +606 - 231 9999 Fax : +606 - 231 3299 Kecemasan : +606 - 231 3610
Whatsapp : +6016-301 2999
E-mel : my.phak.general@parkwaypantai.com
Website : www.pantai.com.my




MOHD Razif bersama wakil Havoline Caltex menunjukkan sijil perakuan Bukit Rambai Auto Service sebagai bengkel autopro pertama di Melaka.



MOHD Razif menunjukkan bengkel lamanya yang dahulu diperbuat daripada kayu.




TURUT memiliki satu lagi bengkel di Taman Tangga Batu.

# ‘Orang minyak’ buktikan mampu berjaya

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**PERNAH** diperlekehkan dan digelar ‘orang minyak’ kerana tidak menamatkan persekolahan dan bergelumang dengan dunia mekanik sejak berumur 16 tahun, namun itu bukan penghalang buat pemilik bengkel kereta, Bukit Rambai Auto Service untuk berjaya.

Mohd Razif Abdullah, 36, anak jati Kampung Paya Mengkuang, Bukit Rambai membuktikan kerjaya yang dianggap ‘kotor’ oleh sesetengah pihak itu mampu menjana pendapatan lumayan.

Bercerita tentang perjalanan kerjayanya, Mohd Razif atau mesra digelar Ajib Pomen berkata, dia mencintai bidang mekanik sejak kecil lagi selepas melihat kemahiran yang dimiliki arwah bapanya, Abdullah Mahat yang membuka bengkel kenderaan di hadapan rumah secara kecil-kecilan ketika itu.

Dari situ, dia mula bergelumang dengan spanar dan minyak hitam dan memilih untuk menamatkan persekolahan setakat Tingkatan 3.

Meskipun, tidak belajar tinggi, namun jauh sekali untuknya berasa menyesal dengan pilihan mengikut jejak arwah bapanya membaik pulih kenderaan.

“Masa saya berhenti sekolah dan menjadi mekanik memang ada rakan-rakan yang mengutuk dan beri gelaran yang bukan-bukan. Tapi saya tidak menghiraukannya.

“Arwah ayah saya berpesan, jangan anggap kerjaya mekanik sebagai kerja kotor, sebaliknya ia kerja yang halal dan boleh membuatkan kita berjaya.

“Saya berpegang kepada prinsip itu dan akhirnya bila sudah berjaya, kawan-kawan yang mengutuk sebelum ini tiba-tiba jadi baik dengan saya,” katanya ketika mengimbau kenangan lalu.

### BUKTI BUMIPUTERA BERJAYA

Walaupun perusahaan bengkel kenderaan kerap dimonopoli oleh kaum Cina, namun Mohd Razif berjaya membuktikan sebaliknya.

Semua itu, ujarnya, berkat didikan arwah bapanya yang tidak putus-putus memberi tunjuk ajar bagaimana menjalankan perniagaan mengikut ajaran Islam.

“Walaupun dahulu arwah ayah begitu tegas dengan saya, namun dari situlah saya banyak belajar. Dia selalu mengingatkan saya untuk berniaga dengan jujur dan ikhlas tanpa menganiaya orang lain.

“Dalam perniagaan memang akan ada pelbagai cabaran. Biar apa jua yang mahu orang katakan, saya dinasihatkan untuk terima dan redha. Yang paling penting saya tahu bahawa saya mempunyai misi, azam dan semangat untuk berjaya,” ujarnya.

Anak kedua dari empat beradik itu berkata, selain berpegang kepada pesanan orang tua, dia turut mengamalkan prinsip untuk berkawan dengan semua orang tidak kira kaum, bangsa dan agama.

“Bila jaringan kita besar, ia lagi mudah untuk kita berniaga. Dari situ juga kita dapat belajar lebih banyak perkara untuk maju dalam perniagaan,” katanya.

> “Akhirnya bila sudah berjaya, kawan-kawan yang mengutuk sebelum ini tiba-tiba jadi baik dengan saya”

### BAIKI 20 KERETA SEHARI

Berkat kegigihannya selama ini, kini dia telah berjaya memiliki dua buah bengkel kereta yang terletak di Bukit Rambai dan Tangga Batu.

Menurutnya, sebanyak 10 ke 20 kereta sehari dihantar ke bengkel berkenaan yang menawarkan khidmat servis dan baik pulih tidak kiralah dari apa jua jenama kereta.

Lebih membanggakan perniagaannya itu kini semakin berkembang, apatah lagi menjadi bengkel pertama di Melaka yang diiktiraf sebagai Caltex Havoline Autopro Workshop iaitu bengkel premium yang tersenarai dalam laman web Caltex sebagai bengkel yang diperakui.

“Alhamdulillah, semuanya hasil sokongan tidak putus daripada keluarga, saudara-mara dan rakan-rakan membantu saya berada di tahap sekarang.

“Saya berharap kejayaan ini dapat menjadi pemangkin dan inspirasi kepada lebih ramai golongan Melayu khususnya anak muda untuk terus berjaya dalam apa jua yang diimpikan,” katanya.

### BERHAJAT BANTU ANAK MUDA

Pada masa sama, bapa tiga anak itu turut menyuarakan hasrat untuk membantu lebih ramai anak muda menceburkan diri dalam bidang mekanik di bengkelnya.

Namun, katanya, perkara paling penting ialah seseorang itu perlu ada minat, rajin belajar dan yang paling penting berdisiplin.

“Memang saya ada banyak perancangan untuk bantu anak muda dalam bidang ini. Tetapi sebelum ini ramai yang kurang menunjukkan minat.

“Seperti contoh ada pelajar sijil dari Pusat Giat Mara yang pernah datang ke sini untuk praktikal. Mereka mungkin diajar pelbagai teori di tempat belajar. Tapi bila mereka ke sini mereka jadi geli dengan kerjaya ini. Itu yang membezakan

“Ramai juga anak muda yang saya jumpa seperti ini. Ramai sekarang yang menganggap kerjaya ini kotor dan mematkan. Sebab itu mereka tak tahan lama.

“Jadi, kalau boleh saya ingin membantu mereka yang betul-betul ada minat. Tidak kisahlah walau pelan-pelan kayuh sekali pun, tapi yang penting minat itu perlu ada, jika mahu maju,” katanya lagi.



BERSAMA pekerja bengkelnya membaik pulih kenderaan.

# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**

**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

eyecon®

OPTOMETRY NETWORK

sec1-mimie (pageMaiM12-18oct2020)NEWBARU_Layout 1 10/10/2020 7:28 PM Page 11




# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

MAMEE®

MALAYSIA HALAL مليسيا

MI SEGERA MAMEE SLURRRP! · MAMEE MONSTER · MISTER POTATO · DOUBLE DECKER · CORNTOZ · nutrigen · Cheers · MAMEE Chef

Mamee-Double Decker (M) Berhad
Lot 1, Air Keroh Industrial Estate, 75450 Melaka, Malaysia. Tel: +606-232 4466/232 4469 Fax: +606-232 9696
www.mamee.com

# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

PPSPM

ڤربادنن ڤمباڠونن سوڠاي دان ڤنتاي ملاک

Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka

Melaka River and Coastal Development Corporation

MELAKA RIVER CRUISE SUNGAI MELAKA

**PENGERUSI, AHLI LEMBAGA PENGARAH DAN SELURUH KAKITANGAN PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA**

# Kerja selenggara Masjid Selat 50 peratus siap

**Faiz Hasan**

BANDA HILIR - Kira-kira 50 peratus kerja-kerja mengecat dan penyelenggaraan mercu pelancongan Masjid Selat telah dilaksanakan sejak 20 Ogos lalu.

Imam 1 masjid tersebut, Mohd Fedzuwan Mohamad berkata, kerja-kerja berperingkat itu telah dilaksanakan dan ditangguhkan sementara, bagaimanapun telah disambung semula sebulan lalu.

Katanya, kerja-kerja mengecat disebabkan penyeragaman warna masjid dilakukan di negeri ini sedang dipergiatkan menerusi lima masjid dilaksanakan secara berperingkat.

"Selain itu, kerja-kerja pengalisan air (waterproofing) turut dilakukan dalam penyelenggaraan ini di sekitar kawasan bumbung masjid.

"Kerja-kerja mengecat berperingkat telah dilaksanakan dengan lancar dengan tenaga kerj termasuk penggunaan kren bagi mengecat menara masjid mengikut ketetapan penyelarasan yang diarahkan kerajaan negeri. Keseluruhan dinding bangunan masjid ini akan dicat sepenuhnya kecuali kawasan dalaman masjid dan kubah yang dikekalkan warnanya.



**KERJA-KERJA mengecat dan *waterproofing* giat dijalankan di bumbung masjid berkenaan.**

"Menerusi pengumuman sebelum kerja-kerja ini dijalankan Masjid Kampung Selat antara lima masjid yang tersenarai selain Masjid Al-Alami di Ayer Keroh, Masjid Saidina Ali, Bukit Katil; Masjid Ar-Rasyidin, Alor Gajah dan Masjid Al-Ghaffar, Jasin," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini, baru-baru ini.



**FEDZUWAN**

Hadir sama, Imam 2 Masjid Selat, Muhammad Khidir Bahri.

Tinjauan Melaka Hari Ini mendapati kerja kerja itu giat dilaksanakan dengan kerja-kerja mengecat mengikut dua tona warna cat dilihat seperti berwarna hijau dan ungu-merah jambu.

Menerusi persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dibahaskan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur, Datuk Roslan Ahmad berkata, kerajaan negeri menyelaraskan warna masjid di negeri ini untuk diseragamkan dan akan dilaksanakan secara berperingkat.

Menurut laporan MHI disiarkan Julai lalu, perkara itu telah diputuskan menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Roslan berkata, menerusi mesyuarat berkenaan, semua warna bangunan masjid dan surau serta balai raya akan diselaraskan kepada warna 'universal' supaya ia mencerminkan keseragamanan warna di seluruh negeri.



**FEDZUWAN (kiri) menunjukkan dinding yang telah dicat secara berperingkat oleh pihak kontraktor terbabit.**



**KONTRAKTOR terlibat menggunakan perkhidmatan jentera kren bagi mengecat menara masjid berkenaan.**

# Hizbut Tahrir dipantau

**Saliawati Salberi**

AYER KEROH - Jabatan Mufti Melaka kini dalam proses mewartakan larangan tidak menerima fahaman Hizbut Tahrir Malaysia di negeri ini.

Mufti negeri Datuk Wira Abdul Halim Tawil berkata, larangan masyarakat Islam terbabit dengan kefahaman itu sudah difatwakan dan kini dalam proses untuk mewartakannya.

"Kita sudah bincangkan dalam fatwa untuk proses diwartakan larangan kegiatan masyarakat Islam menyertai, berpegang dan menyebarkan serta menyertai sebarang aktiviti di bawah penganjuran Hizbut Tahrir.

"Proses mewartakan ini selaras dengan keputusan jawatankuasa Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan selepas tindakan sama dibuat di Selangor dan Johor," katanya.

Beliau berkata, pihaknya kini sedang giat memantau sekiranya fahaman itu tersebar atau terdapat antara penduduk di negeri ini terbabit dalam hal itu.

"Buat ketika ini ianya masih terkawal dan pemantauan diadakan. Beberapa tahun lalu sebelum 2016 kumpulan itu ada jalankan program di sini tetapi disertai orang luar, Melaka hanya dijadikan lokasi," katanya.

Abdul Halim berkata, pada penghujung September lalu ada cubaan daripada pihak Hizbut Tahrir untuk berjumpa denganya, bagaimanapun tidak diterima.

Difahamkan, kumpulan itu dikesan aktif merekrut ahli baharu termasuk daripada golongan berpendidikan seperti pelajar universiti, ahli akademik kanan serta profesional.

Dikatakan juga, doktrin fahaman kumpulan itu adalah termasuk menolak demokrasi, selain melabel kerajaan sebagai kafir dan wajib diguling dengan kekerasan.

**PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT NEGERI MELAKA**

Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Malaysia (LPPIM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berkaitan : -

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | HARGA DOKUMEN TAWARAN | TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DI JUAL | SYARAT PENDAFTARAN | TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK | TARIKH TUTUP SEBUTHARGA |
|---|---|---|---|---|---|
| KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMBAIKI KEROSAKAN 2 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (SP1066 &SP1069) DI TAMAN INTEKMA , MUKIM SG PETAI ALOR GAJAH, MELAKA | RM 50.00 ( Tidak Akan Dikembalikan) | PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA TINGKAT 8, WISMA AMANAH JALAN BBP 2, TAMAN BATU BERENDAM PUTRA, BATU BERENDAM, 75350 MELAKA | - Berdaftar Dengan PKK Bumiputera, - Berdaftar Dengan LPIPM/CIDB Gred G1 Kategori : B, CE , ME | Khamis 15 Oktober 2020 Jam 10.00 Pagi. Berkumpul di Simpang Masuk Taman Intekma 78000 Alor Gajah, Melaka (LAWATAN Tapak adalah DIWAJIBKAN) | Rabu, 21 Oktober 2020 pada jam 12.00 tengahari (Sebutharga yang lewat tidak akan diterima) |

Naskah Meja Tawaran boleh disemak di Pejabat PERTAM, Tingkat 8, Wisma Amanah Jalan BBP 2, Taman Batu Berendam Putra, Batu Berendam, 75350 Melaka pada waktu pejabat bermula pada **15 Oktober 2020. Bayaran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk Tunai / Draf Bank atau Kiriman Pos diatas nama Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka atau PERTAM** (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Kontraktor dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan satu salinan bagi sijil tersebut semasa membeli dokumen tender. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan hendaklah dihantar secara serahan tangan dengan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat

**PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA**
**TINGKAT 8, MENARA PERTAM (WISMA AMANAH), JALAN BBP 2,**
**TAMAN BATU BERENDAM PUTRA, BATU BERENDAM, 75350 MELAKA**
**TEL : 06-3372111 FAX : 06-3372020**

# Pondok wakaf kini 'premis' jual sayur

**Din Ahmad**

REMBIA - Pondok wakaf yang jarang digunakan anggota komuniti untuk menunggu bas, dimanfaatkan seorang gadis untuk memasarkan pelbagai jenis sayur yang diusahakan sendiri bersama-sama bapanya.

Norintan Diana Abdullah, 20, memanfaatkan pondok berkenaan yang dibina seorang anggota komuniti Kampung Paku, Ayer Lanjut di sini untuk memasarkan sayur seperti kangkung, bayam, kacang botol, peria, timun dan kacang panjang.

Dia berkata, sebelum memanfaatkan pondok berkenaan, dia dan bapanya, Abdullah Abdul Karim, 48, memasarkan sayur berkenaan kepada peraih tetapi sejak empat tahun lalu mereka mula memasarkannya sendiri.

"Penduduk kampung yang membina pondok wakaf ini menawarkan kepada kami untuk memanfaatkan pondok ini dengan menjual sayur kerana sekarang tidak ramai penduduk yang menggunakan perkhidmatan bas atau teksi berikutan mereka mempunyai motosikal dan kereta sendiri.

"Saya menyambut baik budi baik pemilik pondok wakaf itu dan mula menjual sayur di pondok ini sejak hujung tahun lalu," katanya ketika ditemui di pondok wakaf berkenaan baru-baru ini.

Dengan dibantu Suraya Abdul Karim, 37, mereka mula menyusun pelbagai jenis sayur pada jam 8 pagi dan lazimnya berniaga hingga jam 12 tengah hari.

Katanya, pada waktu tidak berniaga, dia membantu bapanya melakukan pelbagai kerja di kebun sayur di kampung berkenaan seperti membaja dan menyembur racun makhluk perosak.

Dia berkata, antara sayur yang mendapat permintaan tinggi ialah kangkung yang dijual pada harga antara RM2.50 hingga RM3 sekilogram, selain bayam dan kacang panjang.

"Untuk memudahkan penjualan, saya ikat kangkung dan bayam seikat 400 gram dan dijual pada harga RM1 dan kaedah itu lebih digemari pelanggan," katanya.

Dia berkata, kebanyakan pelanggan adalah pengguna jalan raya yang melalui jalan Alor Gajah-Masjid Tanah dan mereka gemar mendapatkan sayur segar dari kebun tanpa perlu mencari tempat meletak kenderaan seperti di pasar.

Dengan hanya berhenti seketika di hadapan pondok wakaf, pelanggan sudah mampu mendapatkan sayur dihajati dan ada juga yang tidak sempat keluar dari kenderaan, sekadar memesan dari dalam kenderaan.

"Saya sudah kenal wajah pelanggan tetap dan sayur kegemaran mereka dan bagi pelanggan yang pertama kami membeli, mereka gembira kerana tidak perlu bersusah payah mencari tempat meletak kenderaan semata-mata untuk membeli seikat sayur," katanya.



Kangkung yang dijual pada harga antara RM2.50 hingga RM3 sekilogram

**NORINTAN menjual sayur kepada pelanggan.**



**NORINTAN menyusun sayur yang dijual di pondok wakaf di tepi jalan masuk ke Kampung Paku, Alor Gajah.**



EDISI 12 OKTOBER - 18 OKTOBER 2020 - SEC 2-SEC 4 - AM3_Layout 1 10/10/2020 9:39 PM Page 11





Datuk Dr Sabri
Mohamad Sharif



# Mewajah Melaka Rumahku Menggamit Dunia

**TIADA** siapa menyangka dan percaya bahawa Melaka yang menurut Tun Seri Lanang telah dibuka oleh Parameswara atau nama Islamnya Sultan Iskandar Shah, pada asalnya sebuah kawasan terpencil, telah bertukar menjadi empayar Kesultanan Melayu Melaka yang gilang gemilang.

Empayar silam itu bukan sahaja gah dan masyhur, namanya meniti di bibir-bibir para pedagang antarabangsa, sehingga mendapat jolokan sebagai "Venice of The East", bahkan diiktiraf sebagai pusat perdagangan paling maju lagi tersohor di seantero dunia.

Namun, akibat kealpaan dan perpecahan dalaman, empayar tersibuk di dunia itu akhirnya rebah lalu tersungkur ditewaskan oleh tentera Portugis pada tahun 1511. Sejak itu Melaka tidak mampu bangun lagi. Kita saksikan bermulalah episod muram, siri-siri penjajahan silih berganti dari Portugis ke Belanda, kemudian kepada Inggeris, Jepun dan menghadapi ancaman daripada Komunis, sehinggalah mencapai kemerdekaan pada tarikh bersejarah 31 Ogos 1957.

Semenjak merdeka, negeri Melaka berusaha untuk mengembalikan kegemilangan tersebut. Buktinya, antara sekian banyak ikhtiar yang dilakukan oleh pemimpin terdahulu, bibit-bibit permulaannya tampak lebih jelas terzahir apabila Melaka menerima pengiktirafan sebagai Bandaraya Warisan Dunia pada 7 Julai 2008 oleh World Heritage Committee (UNESCO) di Persidangan Ke-32 di Quebec, Kanada Ini disusuli dengan pengisytiharan "Melaka Maju" yang berindikatorkan Organization for Economic Cooperation & Development atau OECD.

Kini, negeri Melaka sedang memasuki era Industri 4.0 dan zaman Ekonomi Digital. Untuk sampai ke puncak kecemerlangan silam itu, kemajuan negeri Melaka ini harus dipacu dengan lebih pantas, cekap dan berkesan lagi. Tatkala menyongsong awal tahun 2020, dunia dikejutkan pula dengan penularan wabak Covid-19, yang sehingga kini telah menjangkiti lebih 36 juta manusia, mengakibatkan lebih 1 juta kematian di serata global.

**CABARAN KESIHATAN, EKONOMI DAN POLITIK**

Hal ini menyebabkan seluruh rakyat terpaksa membiasakan diri dengan "the new norm", yakni norma baharu dalam kehidupan mereka, mematuhi SOP yang ditetapkan, seperti memakai pelitup muka, menggunakan hand sanitizer dan penjarakkan sosial. Melalui Hashtag, #MelakaMestiMenangCOVID19, negeri Melaka telah mencatatkan kadar pematuhan PKPB tertinggi, sekaligus diisytihar sebagai antara 3 negeri terbaik di seluruh Malaysia.

Itulah antara 3 cabaran besar, selain cabaran ekonomi dan politik, di mana situasi sebegini hampir tidak pernah berlaku atau unprecedented, yang sedang dihadapi oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman Md Ali selepas mengambil alih tampuk kepimpinan negeri sebagai Ketua Menteri Melaka Ke-12 pada 9 Mac 2020.

Ternyata, kepimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri begitu menekankan kepentingan menjaga kebajikan dan mendahulukan rakyat. Ini dijelaskan melalui ucapan rasmi sulungnya kepada para penjawat awam dan rakyat di negeri Melaka pada 1 Julai lalu bahawa, "rakyat itu umpama akar, kerajaan pula bagaikan pohonnya, jikalau tiada akar, bagaimana mungkin pokok dapat berdiri teguh". Yang Amat Berhormat menambah lagi, "saya dengar keluhan rakyat, saya belajar memahami mereka, saya peduli nasib rakyat, I will serve my best for you".

Buktinya, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah berusaha gigih dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dalam membantu dan menyelesaikan permasalahan rakyat. Antara inisiatif tersebut yang mula menampakkan kejayaan, khususnya sepanjang 100 hari kepimpinannya, beliau telah menamatkan Program Bekalan Air Berjadual melibatkan 735,223 isi rumah, menangguhkan bayaran balik pinjaman Pendidikan TAPEM yang melibatkan 7,400 orang, memberi insentif kepada frontliners, mengurangkan bil air bulanan penyewa dan pemilik rumah kos rendah melibatkan 3,974 isi rumah, memberi bantuan Kit Makanan Asas kepada 36,400 penerima selain mengurangkan hutang Kerajaan Negeri Melaka kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah hampir RM163 juta.

**Halatuju "Melaka Rumahku"**

Kita menyambut baik usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri apabila memperkenalkan kerangka besar halatuju "Melaka Rumahku". Di dalamnya juga terkandung visi, misi, pemboleh daya, slogan dan akar tunjang yang melingkari keseluruhan gagasan besar tersebut yang dibahagikan kepada pelan jangka pendek, pelan jangka sederhana dan pelan jangka panjang sehingga tahun 2035.

**VISI**

Visi baharu Melaka ialah "Menuju Negeri Lestari", yang menggunakan indikator "Matlamat Pembangunan Lestari" atau 'Sustainable Development Goals' atau SDG, digunapakai oleh semua negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Lazimnya, SDG ini meliputi pembangunan ekonomi, yang digunakan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dengan penggunaan sumber yang bijaksana, selain memastikan pemuliharaan terhadap alam sekitar. Ada 17 matlamat pembangunan lestari atau SDG yang menjadi panduan untuk dilaksanakan oleh Negeri Melaka antaranya:

* **Kemiskinan Tegar & Kelaparan Sifar**
* **Kesihatan & Kesejahteraan**
* **Pendidikan**
* **Pekerjaan dan Pembangunan Ekonomi**
* **Infrastruktur**
* **Memelihara dan memulihara kawasan lautan dan daratan**

**MISI**

Misi baharu Melaka pula adalah berasaskan perkataan T.E.R.A.S.. T untuk TEKNOLOGI, dengan memperluaskan inisiatif pintar dan memperkasa data dalam agenda pembangunan negeri. E pula bagi ENTREPRENEURSHIP, untuk membangunkan dan menyokong ekonomi rakyat tempatan menjadi lebih berdaya maju. R adalah untuk REVOLUSI INDUSTRI DAN EKONOMI pula bagi merancakkan negeri Melaka sebagai sebuah destinasi pelaburan berkonsepkan agro-industri, bioteknologi, Industri 4.0, perusahaan industri digital dan industri perkhidmatan maritim. A pula untuk ANTARABANGSA, melalui memperhebat industri pelancongan dan institusi pendidikan agar lebih berkualiti, unik serta bertaraf dunia. Manakala yang terakhir, S adalah untuk SEJAHTERA, bagi menghidupkan persekitaran negeri terbersih, terindah, lestari, selamat, selesa, semangat dan nilai kekitaan (sense of belonging) serta ekonomi, yakni taraf hidup rakyat yang berkualiti, sejahtera dan lebih baik untuk didiami.

**PEMBOLEH DAYA**

Bagi PEMBOLEH DAYA atau enabler pula ada enam, iaitu, Keterangkuman dan Kesalinghubungan, Kemampanan Ekonomi, Kecanggihan Teknologi Hijau, Pintar dan Pendigitalan, Keberdayaan Modal Insan, Keutuhan Budaya dan Warisan serta Keihsanan dan Integriti.

**SLOGAN**

Kerajaan Negeri Melaka telah memperkenalkan slogan baharunya iaitu, "Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia" dalam membawa negeri Hang Tuah ini menjadi sebuah negeri yang terbilang di dunia.

**TONGGAK 5K**

Bagi meningkatkan kecekapan dalam memberikan perkhidmatan dan penyampaian terbaik kepada rakyat, Kerajaan Negeri Melaka telah melaksanakan tonggak 5K iaitu Komunikasi, Kolaborasi, Koordinasi, Kompetensi dan Kongsi Matlamat Bersama, yang akan menjadi teras kepada penjawat awam di negeri bersejarah ini.

**KORIDOR BAHARU MENJADI GAME CHANGER**

Lebih 5 abad yang lepas, Tome Pires pernah mengungkapkan dalam bukunya The Suma Oriental bahawa, "barangsiapa yang menguasai Melaka, maka berupaya menguasai Venice". Sebab itu kita menyambut baik usaha Kerajaan Negeri Melaka untuk mewujudkan satu koridor ekonomi baharu dan pelaburan berimpak tinggi sebagai mercu tanda baharu yang bakal menjadi game changer kepada ekonomi negeri yang dinamakan Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ). Selain itu, Kerajaan Negeri Melaka bercadang untuk membina beberapa pelabuhan iaitu Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi yang memfokuskan kepada minyak dan gas, Pelabuhan Tanjung Beruas yang menjurus kepada kontena, dan International Cruise. Ini merupakan langkah permulaan bagi mengembalikan kegemilangan Melaka sebagai pusat perdagangan termasyhur di dunia sepertimana yang pernah dicapai pada suatu ketika dahulu.

**KECEMERLANGAN DUNIAWI DAN UKHRAWI**

Keseluruhan gagasan besar Melaka Rumahku telah dilingkari dengan akar tunjangnya iaitu demi mencapai Al-Falah, yakni kecemerlangan duniawi dan ukhrawi dalam merealisasikan Melaka menjadi sebuah negeri yang disebut dalam Al-Quran sebagai "Baldatun Thoyyibatun Wa Rabbun Ghafur", yakni negeri makmur yang mendapat limpahan berkat Tuhan, sebagaimana disebut dalam surah As-Saba', ayat 15 dan surah Al-baqarah, ayat 201.

Meskipun perjalanannya masih panjang, liku-likunya penuh onak cabaran mendatang, namun didoakan semoga impian murni kerajaan negeri dalam Mewajah Melaka Rumahku yang menggamit dunia, bakal direalisasikan menjadi kenyataan. InsyaAllah!

**Penulis merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak merangkap Penasihat Ekonomi dan Inovasi Kepada YAB Ketua Menteri Melaka.**

# SunPower bantu kelestarian penyu karah

**Din Ahmad**

TANJUNG BIDARA - Usaha menjaga kelestarian penyu karah di negeri ini menerima sentuhan bermakna daripada syarikat pengeluar peralatan tenaga solar di sini, SunPower Malaysia Manufacturing Sdn Bhd (SunPower) yang menyediakan peranti 'platform trasmitter terminal' (PTT) bernilai RM20,000 yang dipasang pada seekor penyu karah.

Ia bertujuan membantu menjaga kelestarian penyu karah di perairan Selat Melaka yang diancam kepupusan akibat faktor semula jadi dan tangan manusia.

Pengurus Besarnya, Wouter Ooghe berkata, syarikat berkenaan mengimport PTT dari Amerika Syarikat (AS) semata-mata untuk membantu Jabatan Perikanan, khususnya Institut Penyelidikan Perikanan Rantau Abang, Terengganu menjalankan kajian mengenai spesis terancam, terutama penyu.

"RTT menggunakan teknologi tinggi saintis AS yang amat bermanfaat dalam kajian mengenai penyu dan pemantauan mengenai laluan, migrasi dan kehidupan penyu.

"Kami sentiasa menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar dan kehidupan semua makhluk dalam planet ini," katanya ketika ditemui selepas program penghargaan kepada syarikat swasta yang terbabit dalam aktiviti konservasi penyu dan pelepasan penyu yang dipasang PTT di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu (PKPP) Padang Kemunting, Masjid Tanah dekat sini baru-baru ini.

Program itu dirasmikan Pengarah institut itu, Sharum Yusof. Turut hadir, Pengarah Jabatan Perikanan Melaka, Fauzi Solehan dan wakil lima syarikat swasta yang terbabit dalam usaha berkenaan.

Beliau berkata, SunPower akan terus memberikan komitmen tinggi kepada PKPP untuk menjalankan tugas memulihara penyu, selain membantu usaha pihak lain yang terbabit dalam memelihara kelestarian alam semula jadi.

Sementara itu, Sharum berkata, RTT mampu berfungsi antara enam hingga 12 bulan sebelum alat itu tertanggal daripada cangkerang penyu dan dalam tempoh berkenaan, institut berkenaan berjaya mengumpulkan pelbagai data mengenai kehidupan penyu.

"Sebelum ini, sudah ada tujuh penyu yang dipasang RTT dan lazimnya, alat itu mampu bertahan antara enam hingga 12 bulan dan antara dapatan kami ialah penyu karah yang dilepaskan di sini berenang hingga Sumatera dan Filipina," katanya.

Antara faktor penarik penyu berbuat demikian adalah kerana bahan makanan yang lebih banyak dan mudah didapati di perairan Sumatera dan Filipina, selain ancaman manusia yang lebih rendah berbanding di perairan lain, katanya.

Sehubungan itu beliau meminta lebih banyak syarikat swasta membantu usaha pemuliharaan penyu dan hidupan marin yang lain bagi menjamin kelestarian alam semula jadi di negara ini.



**WOUTER Ooghe (dua dari kanan) dan Sharum (kanan sekali) serta wakil syarikat swasta melepaskan penyu karah berusia lima tahun ke laut di pantai Padang Kemunting, Masjid Tanah.**

**JAWATAN KOSONG**

**JAWATAN : 1. KERANI LITIGASI
2. KERANI AKAUN**

**Nama syarikat :**
**SALINA TAIB & CO (FIRMA GUAMAN)**

**Gaji:** Berdasar pengalaman kerja.

**Untuk keterangan lanjut sila hubungi:**
**Puan Fazura : 06-2820614** atau hantar resume ke **accounts@salinaco.com.my**

**SALINA TAIB & CO**
**ADVOCATES & SOLICITORS**
No. 86, Jalan Melaka Raya 25,
Taman Melaka Raya,
75000 Melaka
**Telephone: 06-2820614, 2820635**
**Facsimile : 06-2820650**



# Hanya 97 orang penghantar makanan di Melaka mendaftar PERKESO



**ABD Razak (dua dari kiri) bersama Skuad PERKESO Prihatin menyampaikan faedah PERKESO kepada waris Zulkifle, penghantar makanan yang meninggal dunia akibat kemalangan baru-baru ini.**

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

PENGKALAN BATU - Hanya kira-kira 20 peratus sahaja penghantar makanan melalui perkhidmatan e-hailing di negeri ini mendaftar dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) setakat September 2020.

Perkara itu dimaklumkan Pengarah PERKESO Melaka Abd Razak Omar yang menyifatkan tahap kesedaran orang ramai masih lagi di tahap rendah sejak skim berkenaan diperkenalkan.

Menurutnya, di Melaka sahaja terdapat kira-kira 650 orang penghantar makanan, namun yang berdaftar hanyalah 97 orang sahaja setakat ini.

"Jadi saya mengharapkan semua penunggang motosikal bukan sahaja di negeri ini bahkan di seluruh Malaysia dapat berdaftar dan mencarum dengan PERKESO.

"Kita sedih apabila mendengar saban hari banyak berlaku kemalangan terutama membabitkan penunggang motosikal. Memang sangat sedihlah bila berlaku seperti ini. Kalau tidak mendaftar memang kita tidak boleh bantu apa-apa," katanya.

> "Jadi saya mengharapkan semua penunggang motosikal ini bukan sahaja di negeri ini bahkan di seluruh Malaysia dapat berdaftar dan mencarum dengan PERKESO."

Beliau berkata demikian selepas menziarahi rumah waris Allahyarham Zulkifle Musiran, seorang penghantar makanan dari golongan orang kelainan upaya (OKU) yang meninggal dunia akibat kemalangan, baru-baru ini.

Zulkifle mengalami kemalangan pada 27 September lalu apabila bergesel dengan sebuah lagi motosikal di Bulatan Dataran Klebang dan meninggal dunia sehari selepas itu.

Arwah meninggalkan isteri yang juga golongan OKU pekak pendengaran dan bisu yang mengandung lima bulan bersama empat lagi anaknya yang masih kecil.

Menurut Abd Razak, hasil daripada kesedaran arwah mencarum SKSPS, warisnya mendapat faedah keseluruhan sebanyak RM1,494.00 sebulan melalui Faedah Orang Tanggungan di bawah SKSPS dan Faedah Penakat, selain turut menerima Faedah Pengurusan Mayat secara one-off berjumlah RM 2,000.00.

"Faedah ini akan diberikan kepada isteri arwah untuk sepanjang hayat dan kepada anak-anak, bahagian mereka akan diberikan sehingga mereka berumur 21 tahun.

"Diharap kes seperti ini dapat membuka mata kepada penghantar makanan di luar sana untuk datang dan berdaftar dengan PERKESO," katanya lagi.



# Setinggi-tinggi Tahniah

KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

GLOBAL SERVICES SDN. BHD. (Co. No. 1132374-D)
ECONOMIC SOCIETY OF MALAYSIA PPM-009-04-28042020

DATO' JAMAL MOHD HJ. SHEIKH MOHD D.I.M.P, S.M.P, J.P

GROUP OF COMPANIES:-
- JS GLOBAL SERVICES CO.NO.[illegible]
- JSM UNIVERSAL SERVICES CO.NO.[illegible]
- JSM UNIVERSAL (M) SDN BHD CO.NO.[illegible]
- JSM GLOBAL DEVEPLOPMENT (M) SDN BHD CO.NO.[illegible]






# Setinggi-tinggi Tahniah

KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

GROUP OF COMPANY

BAN ZEN MOTOR SDN. BHD. ( 218812-P)
ZEN SPORTS SDN. BHD. (766932-W)
ZENTH CAPITAL SDN. BHD. (512939-H)
ZEN REALITY SDN. BHD. (No.898150-H)
BZ TOP AUTOMOBILE SERVICES ( MA 0061946-P)




12-18 okt 2020 (sec2)_Layout 1 10/10/2020 7:05 PM Page 1



# KPDNHEP catat kejayaan tangani pelbagai kes

**Din Ahmad**



ALEXANDER Nanta Linggi merasmikan program Perbarisan Kawalan Kehormat Sempena Hari Penguat Kuasa KPDNHEP.



ANGGOTA Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP menjayakan pentomin serbuan terhadap perniagaan LPG secara haram pada program Perbarisan Kawalan Kehormat Sempena Hari Penguat Kuasa KPDNHEP di Tanjung Bidara, baru-baru ini.

TANJUNG BIDARA - Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mencatatkan sebanyak 356 kes mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan nilai rampasan RM 26.19 juta sepanjang tahun ini.

Sebanyak 40 kes mengikut akta yang sama diterima daripada serahan agensi kerajaan yang lain dengan nilai rampasan RM8.64 juta dicatatkan dalam tempoh berkenaan.

Pengarahnya, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, jumlah kes dan nilai rampasan itu membuktikan pegawai terbabit turut membantu anggota komuniti menghadapi kesukaran akibat pandemik COVID-19 sejak Mac lalu.

"Tahun ini amat mencabar kerana penularan pandemik COVID-19 tetapi pegawai penguat kuasa tetap menjalankan tugas memastikan bekalan keperluan asas dan barangan kawalan untuk pengguna sentiasa mencukupi, selain memastikan peniaga tidak menaikkan harga barangan sesuka hati," katanya.

Beliau berucap pada program Perbarisan Kawalan Kehormat Sempena Hari Penguat Kuasa KPDNHEP yang dirasmikan Menteri berkenaan, Datuk Alexander Nanta Linggi di sebuah resort di Tanjung Bidara baru-baru ini.

Katanya, 517,409 premis diperiksa sepanjang tempoh berkenaan dan daripada jumlah itu, 7,584 kertas siasatan dibuka berdasarkan pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan RM60.62 juta.

Selain itu, kompaun RM 1.69 juta dan denda sebanyak RM9.34 juta dikutip manakala jumlah aduan yang dicatatkan adalah 25,707, katanya.

Beliau berkata, tahun ini juga mencatatkan satu kes berprofil tinggi membabitkan aktiviti skim piramid oleh syarikat Monspace (M) Sdn Bhd yang sudah dijatuhkan hukuman denda RM7 juta kerana kesalahan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Selain itu, kejayaan juga dicapai mengikut Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 yang membabitkan denda RM2 juta dan wang tunai dalam 17 akaun bank sebanyak RM998 juta yang sudah dilucut hak dan dijadikan hasil kepada kerajaan.

"Dua lagi kes yang berjaya dilucut hak wang tunai adalah kes penyelewengan barang kawalan gas petroleum cecair (LPG) sebanyak RM70,000 dan kes urus niaga salah laku skim piramid sebanyak RM613,000," katanya.

Beliau juga berkata, sebanyak 840,000 premis diperiksa di seluruh negara dan daripada jumlah itu, 12,195 kertas siasatan dibuka berdasarkan pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan RM61.44 juta sepanjang 2019.

Jumlah kompaun sebanyak RM4.37 juta dikenakan dan 21,656 aduan diterima serta berjaya diselesaikan tahun lalu, katanya.






Siap Dengan CCC

## PETA LOKASI




- CCC telah diperolehi dan sedia diduduki
- Berada di hub perniagaan utama di dalam Bandar Baru Jasin Bestari
- Berhadapan dengan Pasaraya Hyper Mydin
- Rekabentuk kedai yang moden dan praktik, unik dengan konsep arked berkoridor di tingkat atas
- Juga ada kedai jenis berkembar berfungsi serbaguna bagi pelbagai jenis kegunaan dan perniagaan
- Lokasi strategik yang menjadi tumpuan dan tadahan populasi bandar baru di koridor pembangunan Bemban-Jasin
- Dikelilingi infrastruktur yang serba lengkap dan boleh dicapai melalui jaringan jalanraya dan jalan keluar masuk yang mudah
- Diiringi pemandangan tasik tadahan yang menarik dan serasi untuk aktiviti perniagaan restoran dan hiburan



**Kedai Pejabat 3 Tingkat**
**22'X70'** (Hak Milik Strata)



**Kedai Pejabat 2 Tingkat**
**29'X55'** (Hak Milik Individu)



**Kedai Pejabat Jenis A**
**22'X99'** (Hak Milik Strata)

**Kadar Bistari Sdn Bhd** (947777-A)
No. 2-1, Tingkat 2, Jalanm Cheng Perdana 1/1A. Taman Desa Cheng Perdana, 75260 Melaka
06-312 33 22 011-5500 8286



Taman Cheng Setia

*Menikmati keselesaan kediaman, alam nyaman dan kejiranan serba lengkap*

HAK MILIK KEKAL

**Sila Hubungi :**
**06-312 3322**
**011-5500 8286**



**RUMAH TERES 2 TINGKAT**
Jenis A - 22'X70'
(4 Bilik Tidur + 4 Bilik Air)



**RUMAH TERES 2 TINGKAT**
Jenis B - 22'X65'
(4 Bilik Tidur + 4 Bilik Air)





**RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT**
40'X80'
(4 Bilik Tidur + 5 Bilik Air)

AHLI REHDA




*Pemaju :*
**GRANDHOME DEVELOPMENT SDN BHD** (No. Syarikat : 946201-T)
(No. 2-1, Tingkat 2, Jalan Cheng Perdana 1/1A, Taman Desa Cheng Perdana, 75260 Melaka
Fax : 06-312 4323 I Email: grandhomedev@yahoo.com.my

*No.Lesen Perumahan: 12138-5/05-2021/0401 (L) . Tempoh Sah:02/05/2019 hingga 01/05/2021.
No Permit Iklan & Jualan: 12138-5/05/2021/0401(P). *Tempoh Sah: 02/05/2019 hingga 01/05/2021.
Pegangan Tanah : Hakmilik Kekal *Tarikh Jangka Siap: Mei 2021 siap. Bebanan Tanah: Tiada. Pelan Diluluskan : Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (Ruj: MBMB/JKB 03027-08-2018) *Jenis Rumah: Rumah Teres 2Tingkat Jenis A- Bilangan 34 unit. Harga (min) RM435,000 Harga (mak) RM596,000. Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B - Bilangan 24 unit: Harga (min) RM397,000 Harga (mak) RM489,000, Rumah Berkembar 2 Tingkat -Bilangan 10 unit : Harga (min) RM576,000, Harga (mak) RM668,000.
**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

**GPS Lokasi: 2.281379, 102.203090**

# Nelayan tidak mampu turun ke laut akibat perubahan monsun

**Din Ahmad**

PANTAI KUNDOR - Angin monsun yang berubah dengan cepat sejak minggu lalu menyebabkan kebanyakan nelayan tidak mampu turun ke laut akibat ribut.

Perubahan monsun yang sudah bermula minggu lalu, menyebabkan nelayan di Pantai Puteri, di sini 'termenung' kerana tidak dapat turun ke laut berikutan ribut angin timur laut.

Angin yang mula bertiup petang semalam itu berubah menjadi kencang malam tadi dan berlarutan pagi ini yang menyebabkan nelayan bukan setakat tidak mampu mencari rezeki, malah terpaksa memindahkan perahu dan peralatan menangkap ikan lebih jauh dari gigi pantai.



**MOHD Ali**

Kegagalan berbuat demikian akan mendedahkan perahu gentian kaca dan peralatan menangkap ikan seperti jaring dan rawai kepada risiko dihanyutkan ombak besar.

Mohd Rahmad Khamis, 36, berkata angin timur laut sekarang yang menggantikan angin selatan yang bertiup sejak hujung Jun lalu, lebih kuat berbanding angin selatan.

"Setiap kali angin timur laut datang, kami tidak dapat turun ke laut kerana laut bergelora dan berbahaya kepada perahu kecil yang kami gunakan untuk menjaring ikan dan udang serta menangkap ikan dengan merawai, iaitu ribuan mata pancing yang dipasang umpan.

"Saya terpaksa turun ke pantai malam tadi untuk meninjau keadaan perahu dan peralatan menangkap ikan yang terancam semasa ribut tetapi Alhamdulillah, semuanya dalam keadaan selamat," katanya ketika ditemui di Pantai Puteri baru-baru ini.

Beliau berkata, lazimnya angin timur laut bertiup dari Oktober hingga hujung November sebelum digantikan dengan angin timur atau lebih dikenali dalam kalangan nelayan sebagai angin betara.

Sementara itu, nelayan di perairan Melaka Barat di Pengkalan Balak, dekat Alor Gajah turut menerima kesan angin kencang timur laut yang semakin kuat menyebabkan mereka tidak mampu merawai.

Mohd Ali Abu Bakar, 50, berkata perubahan monsun menyebabkan nelayan tidak mampu membuat keputusan dengan tepat sama ada mampu turun ke laut atau sebaliknya kerana ia berlaku dengan pantas.

"Contohnya, pagi semalam angin selatan tetapi tiba-tiba sahaja angin berubah menjadi angin timur laut pada petang dan menyebabkan nelayan tidak mampu membuat perancangan untuk turun ke laut, apatah lagi apabila angin bertambah kuat pagi ini," katanya.

Jabatan Meteorologi dilaporkan menjangka Malaysia memasuki fasa peralihan monsun yang bermula pada minggu lalu dan lazimnya menyebabkan berlakunya ribut petir berserta hujan lebat dalam tempoh singkat.

Cuaca seumpama itu berpotensi menyebabkan banjir kilat dan kerosakan struktur yang tidak kukuh.

Ketika peralihan monsun, keadaan cuaca seumpamama itu lazimnya berlaku pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah serta barat dan tengah Sarawak.



**Nelayan terpaksa menolak perahu gentian kaca jauh dari gigi pantai berikutan angin kencang dari timur laut di Pantai Puteri.**





ABDUL Jalil (dua kiri) menerima cenderahati sebagai kenangan daripada Dr. Mazliham sambil disaksikan Dr. Mohd Rizal (kanan) dan Anuar (kiri)

# MHI dan MMU Melaka cadang jalin kerjasama

AYER KEROH - Melaka Hari Ini (MHI) dan Universiti Multimedia Malaysia (MMU) Melaka bercadang menjalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk penyiaran dan animasi.

Menurut Pengarah MMU Kampus Melaka, Dr Mohd Rizal Abdul Razak, perkara itu antara yang dibincangkan hasil pertemuan hampir dua jam itu dalam melahirkan masyarakat berdaya saing seiring pembangunan negara.

Jelasnya, jalinan kerjasama membabitkan pelbagai bidang termasuk penyiaran dan animasi itu tidak tertakluk kepada MMU kampus Melaka, malah akan diperluaskan di MMU Cyberjaya dan MMU Nusajaya.

"Kita telah aturkan pertemuan lanjut untuk kita perhalusi beberapa cadangan terutama dalam bidang penyiaran serta animasi dan sebagainya.

"Jalinan kerjasama ini juga membuktikan kita menyokong aspirasi Kerajaan Melaka ke arah pembangunan negara dalam melahirkan masyarakat berdaya saing, katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjung hormat Ketua Pegawai Eksekutif MHI Datuk Seri Abdul Jalil Hamid dan Ketua Pegawai Operasi MHI Anuar Shaari.

Dalam kunjungan hormat itu, Abdul Jalil dan Anuar turut dibawa melawat ke beberapa fakulti MMU termasuk Fakulti Teknologi Maklumat; Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Undang-undang.

Terdahulu, Abdul Jalil dan Anuar turut mengadakan perbincangan bersama Presiden MMU Prof. Datuk Dr. Mazliham Mohd Su'ud bagi menjalin kerjasama dan hubungan antara dua agensi itu.

# TAPEM dan MAIM bantu anak Melaka terkandas

**Farah Suhaidah Othman**

AYER KEROH - " Kerajaan negeri menerusi Tabung Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) baru-baru ini telah melaksanakan inisiatif bantu anak Melaka yang terkandas di Institut Pengajian Tinggi (IPT) masing-masing untuk pulang ke kampung halaman.

TAPEM menerusi laman *Facebook* rasminya menawarkan bantuan khas berkenaan bagi memudahkan urusan inisiatif tersebut dengan tarikh tutup permohonan adalah 14 Oktober 2020.

Ia rentetan baru-baru ini Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyarankan semua IPT menangguhkan terlebih dahulu pendaftaran bersemuka pelajar baharu dan lama ke kampus yang dijadual bermula bulan ini susulan peningkatan kes COVID-19.

Inisiatif itu adalah cetusan idea Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali yang prihatin mengenai nasib menimpa pelajar yang terkandas di IPT untuk mengurangkan beban dihadapi golongan itu yang kurang berkemampuan.

Bagaimanapun, keputusan dalam waktu singkat itu mendapat maklum balas daripada pelajar yang sudah tiba di IPT masing-masing yang rataratanya merungut kerana terpaksa berhabisan duit untuk kembali memulakan pengajian pada Oktober sebagaimana diumumkan sebelum ini.









NOOR Azlan (kiri) memerhatikan pembantunya menangkap saki baki ikan keli dalam kolam di Kampung Ulu Sungai Buloh, Alor Gajah.



PEMBANTU Noor Azlan menangkap saki baki ikan keli dalam kolam tersebut.

# "Tolong selamatkan industri penternakan ikan kami"

Din Ahmad

TABOH NANING - "Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tolong dalamkan empangan dan parit untuk membantu mengelak banjir berulang lagi yang merugikan kami."

Itu rayuan penternak ikan air tawar Kampung Ulu Sungai Buloh, di sini kerana kerja berkenaan penting bagi membantu kira-kira 20 pemilik dari 90 kolam penternakan ikan air tawar seperti tilapia, jelawat dan keli tidak kerugian akibat banjir seperti yang dialami pada 21 September lalu.

Kamaruddin Hashim, 57, berkata, empangan kecil yang dibina JPS di puncak bukit di kampung berkenaan kira-kira 10 tahun lalu melimpah akibat hujan lebat di hilir sungai di Tampin, Negeri Sembilan.

"Empangan itu dibina JPS untuk membantu mengairi 90 kolam penduduk kampung ini yang memang sudah lama terbabit dalam industri penternakan ikan air tawar.

"Begitu juga dengan parit yang berhampiran kolam ikan kami tetapi semuanya melimpah dalam kejadian banjir dan menyebabkan kami mengalami kerugian yang besar," katanya ketika ditemui di kampung itu hari ini.

Beliau berkata, industri berkenaan amat memerlukan sistem perparitan dan pengairan yang sempurna tetapi empangan dan parit yang sudah dipenuhi keladak menyebabkan ia tidak mampu menampung jumlah air yang banyak.

Katanya, dengan mendalamkan semula empangan dan parit, kejadian seumpama itu mampu dielakkan, sekali gus menjamin kelangsungan industri itu sebagai sumber ekonomi utama penduduk kampung.

Noor Azlan Salim, 46, berkata beliau mengalami kerugian apabila beribu-ribu ikan kelinya terlepas ke sungai akibat banjir dan berharap JPS mampu menjalankan usaha mendalamkan empangan dan parit.

"Saya memasarkan ikan keli kepada peniaga Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan dan beberapa pasar sekitar bandar Alor Gajah tetapi dalam kejadian itu, saya tidak dapat memasarkannya.

"Hari ini saya dan pembantu menangkap saki baki ikan keli yang masih ada dalam kolam," katanya.

Beliau berkata, dalam kejadian itu, hujan lebat mulai jam 5.30 petang menyebabkan air dari empangan dan parit melimpah ke dalam kolam pada jam 8 malam, sekali gus menyebabkan ribuan ikan terlepas.

Katanya, penternak tidak berupaya menghalang ikan daripada terlepas kerana air naik terlalu tinggi dan membahayakan keselamatan sesiapa yang mencuba menangkap ikan yang terlepas.






Setulus Ikhlas Daripada:
TENAGA NASIONAL
Better. Brighter.
www.tnb.com.my

12-18 okt 2020 (sec2)_Layout 1 10/10/2020 7:26 PM Page 13




# Setinggi-tinggi Tahniah

KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

**Sambutan Hari Jadi Ke-71**

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

**Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis Dan Seluruh Warga Kerja**
**Majlis Perbandaran Jasin**




# Setinggi-tinggi Tahniah

KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

**Sambutan Hari Jadi Ke-71**

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

ALOR GAJAH

YANG DIPERTUA, AHLI MAJLIS
DAN WARGA KERJA MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH



# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*Setulus Ikhlas Daripada :*

Datuk Bandar,
Ahli-Ahli Majlis,
Setiausaha Bandaraya,
Ketua-Ketua Jabatan
dan seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sec1-mimie (pageMaiM12-18oct2020)NEWBARU_Layout 1 10/10/2020 7:25 PM Page 3

# Setinggi-tinggi Tahniah




KEPADA

**Tuan Yang Terutama**
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

*SETULUS IKHLAS DARIPADA*

HONDA
The Power of Dreams

Diterbitkan oleh Melaka Hari Ini Sdn. Bhd., (199701017821), Bangunan Rumah Media Melaka, Jalan Lingkaran MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka. Tel : 06 - 251 9314, 251 9315 Faks : 06 - 251 9316
Dicetak oleh NAJ Press Resources (M) Sdn. Bhd, Lot 19, Jalan Lada Hitam 16/12, Seksyen 16, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan